

Tinjauan Ekonomi & Fiskal dan Anggaran Hasil 2023 Terkini

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : fed@treasury.gov.my

Edisi 2023 diterbitkan pada 24 Februari 2023.

Naskhah jualan boleh diperoleh daripada:
www.pnmb2u.com dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2023
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



PRAKATA

MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA

Alhamdulillah, ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan pada 2022 dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan prestasi eksport yang lebih tinggi pascapandemik COVID-19. Pertumbuhan ekonomi kembali pulih ke paras prakrisis sebanyak 8.7%, mengatasi arah aliran serantau dan global, disokong oleh tindak balas dasar yang pantas dan atas ekonomi yang teguh. Prestasi yang memberangsangkan ini dicapai meskipun berhadapan dengan pertumbuhan global yang perlahan kesan daripada kemunculan varian baharu COVID-19, ketegangan geopolitik, ketidaktentuan keadaan kewangan, gangguan rantai bekalan global dan peningkatan inflasi.

Keadaan pasaran buruh bertambah baik, diterjemahkan melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan pengurangan kadar pengangguran. Walau bagaimanapun, beberapa sektor ekonomi masih berhadapan dengan kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam industri berintensif buruh seperti sektor pertanian dan perkhidmatan. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi bagi mempercepat pemulihan perniagaan dan menangani isu kekurangan tenaga buruh. Program penstabilan pekerjaan termasuk peningkatan kemahiran dan latihan semula juga diteruskan bagi mempertingkatkan kebolehpasaran tenaga kerja dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya bagi golongan belia.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat, mempertahankan integriti, memupuk masyarakat penyayang serta meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam dan swasta. Komitmen ini boleh dicapai melalui pendekatan sistematik yang menumpukan kepada aspek pemikiran, kerohanian dan infrastruktur dengan berpaksikan kerangka Malaysia MADANI yang memfokuskan pembentukan masa depan dan merealisasikan potensi negara. Kerangka ini akan disokong oleh enam nilai teras iaitu Mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, punya keyakinan dan bersifat Ihsan.

Belanjawan 2023 akan memberikan fokus terutamanya kepada langkah-langkah menangani peningkatan kos sara hidup, memperkuuh jaringan keselamatan sosial dan meningkatkan ekosistem perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Kerajaan juga akan menelusuri kaedah untuk mengurangkan gangguan dalam pasaran serta memperkemas proses perniagaan melalui adaptasi teknologi tinggi dan digitalisasi. Objektif utama adalah untuk memastikan pengagihankekayaan dan pembangunan wilayah yang saksama dan mampan.

Seiring dengan peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa, negara menyaksikan peningkatan jumlah ketibaan pelancong, aktiviti perdagangan dan perniagaan menyumbang ke arah pemulihran yang stabil, khususnya dalam sektor perkhidmatan. Berlandaskan kekuahan asas makroekonomi, disokong keteguhan permintaan domestik dan keberkesanan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan sekitar 4.5% pada 2023.

Inisiatif pembaharuan akan dipercepat bagi memperkuuh tadbir urus kewangan awam dan memastikan kestabilan makroekonomi di samping meneruskan agenda pembangunan negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada pengukuhan ekosistem tata kelola pada semua peringkat bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi Kerajaan. Inisiatif ini akan menumpukan kepada ketelusan, integriti dan kecekapan khususnya dalam perolehan Kerajaan, tadbir urus yang baik dan peranan pembangunan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta institusi Parlimen.

Cabarannya ini memerlukan Kerajaan melaksanakan disiplin fiskal yang ketat di samping mengimbangi keupayaan penjanaan hasil dan komitmen perbelanjaan seterusnya mengurangkan hutang dan liabiliti Kerajaan secara beransur-ansur. Pelbagai inisiatif telah dikenal pasti untuk menangani isu berkaitan kewangan awam termasuk meneroka sumber hasil baharu yang mampan dan meminimumkan ketirisan. Ke arah mencapai inisiatif ini, Kerajaan akan memberi penekanan terhadap kajian semula perbelanjaan awam dan memastikan kemampuan hutang serta meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan bagi jangka masa panjang. Ini akan meningkatkan fleksibiliti fiskal negara, membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah dasar kitaran balas dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara.

Kerajaan kekal komited dalam mengimbangi keperluan menjaga kesejahteraan rakyat dan negara serta memastikan kedudukan fiskal yang kukuh dan mampan. Matlamat untuk mengekalkan kedudukan tinggi penarafan kedaulatan negara dan memastikan kedudukan utama Malaysia sebagai sebuah negara yang mesra pelabur dan perniagaan adalah penting, terutamanya dalam mencipta dan menarik pelaburan bernilai tambah tinggi bagi mencapai pertumbuhan yang berkualiti dan inklusif.



Oleh kerana 2023 dijangka menjadi tahun yang mencabar, Kerajaan akan terus cakna terhadap sebarang cabaran ekonomi dan ketegangan geopolitik yang mendarang seterusnya akan merangka strategi dan tindakan yang bersesuaian. Marilah kita bersama-sama berusaha bagi memastikan kejayaan Malaysia MADANI.



ANWAR IBRAHIM
24 Februari 2023

EKONOMI NEGARA 2023


pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)




¹Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2023

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



Sorotan Penting

PRESTASI DAN TINJAUAN EKONOMI

TINJAUAN EKONOMI DAN FISKAL MALAYSIA

2023

Ekonomi
Dijangka
Menyederhana

~ 4.5%

KDNK PADA HARGA SEMASA

RM1,888.3 BILION



KADAR PENGANGGURAN

3.5% - 3.7%

Nota: ~ Sekitar

KDNK PADA HARGA MALAR 2015

RM1,574.6 BILION



INDEKS HARGA PENGGUNA

2.8% - 3.8%

PENDAPATAN NEGARA KASAR
PADA HARGA SEMASA

RM1,825.4 BILION




IMBANGAN AKAUN SEMASA

RM55.2 BILION



KONSOLIDASI FISKAL DITERUSKAN PASCA-PANDEMIK

Baki Keseluruhan (% KDNK)
 Baki Primer (% KDNK)



2023

TINJAUAN EKONOMI
DAN FISKAL MALAYSIAHUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN DARIPADA
KDNK KEKAL TERURUS

- Kekal di bawah had statutori 65% KDNK
- > 97% hutang adalah dari sumber domestik meminimakan pendedahan kepada risiko tukaran wang asing

KEMAMPUAN MENCUKUPI UNTUK PERUNTUKAN
BAYARAN KHIDMAT HUTANG (DSC)

- Kerajaan perlu mengutamakan pembayaran DSC sebelum perbelanjaan lain sebagaimana yang diperlukan dalam Perlembagaan Persekutuan
- Bayaran khidmat hutang kembali di bawah had 15% daripada hasil

STRATEGI BELANJAWAN 2023 BERPANDUKAN KERANGKA DASAR MADANI

M A D A N I

keMampanan	<ul style="list-style-type: none"> Mengutamakan keterjaminan makanan Meningkatkan daya tahan terhadap kesan perubahan iklim Menggiatkan usaha bagi mencapai GHG sifar bersih Memelihara dan memulihara alam sekitar dan biodiversiti
Kesej@hteraan	<ul style="list-style-type: none"> Memperkuuh dasar fiskal responsif Meningkatkan produktiviti dan peluang pekerjaan bergaji tinggi Merealisasikan gaji yang lebih wajar Memperkuuh keselamatan dan pertahanan negara
Daya cipta	<ul style="list-style-type: none"> Mentransformasi ekosistem penyampaian perkhidmatan awam dan tadbir urus Memperkuuh daya tahan dan daya saing PMKS Mempromosi Malaysia sebagai destinasi strategik pelaburan berkualiti Mempergiat penerimanaan digitalisasi dan pertumbuhan industri strategik
HormAt	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan taraf hidup rakyat Memperkasakan Bumiputera Mengurangkan jurang ke arah pembangunan wilayah seimbang Merancakkan pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak
KeyakiNan	<ul style="list-style-type: none"> Memperkuuh ekosistem tadbir urus baik dan institusi parlimen Memperkemas rangka kerja perundangan Mempergiat libat urus rakyat dalam agenda pembangunan
Ihsan	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan NGO, CSO dan ekosistem kesukarelawanan Memperkemas sistem perlindungan sosial Merealisasikan akses sejagat pendidikan berkualiti dengan kos berpatutan Memperkuuh persekitaran kondusif dan penjagaan kesihatan berkualiti

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

	2021		2022 ⁸		2023 ¹⁰	
PENDUDUK (juta)¹ <i>POPULATION (million)</i>¹	32.6		32.7		33.1	
PENGELUARAN DALAM NEGERI <i>DOMESTIC PRODUCTION</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015) <i>Gross Domestic Product (constant 2015 prices)</i>	1,386,738	3.1	1,507,306	8.7	1,574,632	~ 4.5¹¹
Pertanian <i>Agriculture</i>	98,898	-0.2	98,949	0.1	100,076	1.1
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>	93,150	0.3	96,350	3.4	97,546	1.2
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	337,219	9.5	364,522	8.1	378,872	3.9
Pembinaan <i>Construction</i>	50,802	-5.2	53,327	5.0	56,576	6.1
Perkhidmatan <i>Services</i>	791,068	1.9	877,426	10.9	924,353	5.3
Duti import <i>Import duties</i>	15,602	1.7	16,731	7.2	17,207	2.8
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa) <i>Gross Domestic Product (current prices)</i>	1,545,372	9.0	1,788,183	15.7	1,888,284	~ 5.6¹²
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam <i>Final consumption expenditure : Public</i>	196,472	6.0	207,246	5.5	211,081	1.9
Swasta <i>Private</i>	894,881	3.7	1,029,952	15.1	1,124,256	9.2
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ² <i>Gross fixed capital formation : Public²</i>	66,997	-10.0	72,193	7.8	78,952	9.4
Swasta <i>Private</i>	231,149	4.0	253,773	9.8	274,614	8.2
Perubahan inventori dan barang berharga <i>Changes in inventories and valuables</i>	46,028	-	101,150	-	55,472	-
Eksport barang dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>	1,063,817	21.8	1,320,329	24.1	1,438,458	8.9
Import barang dan perkhidmatan <i>Imports of goods and services</i>	953,972	21.8	1,196,459	25.4	1,294,548	8.2
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA <i>NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE</i>						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015) <i>Gross National Income (constant 2015 prices)</i>	1,367,707	2.7	1,472,862	7.7	1,540,910	4.6
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa) <i>Gross National Income (current prices)</i>	1,503,821	8.2	1,724,629	14.7	1,825,386	5.8
Tabungan Negara Kasar (harga semasa) <i>Gross National Savings (current prices)</i>	402,874	19.0	474,320	17.7	464,210	-2.1
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM) <i>Per Capita Income (current prices, RM)</i>	46,163	7.8	52,819	14.4	55,148	4.4

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT FINANCE	2021		2022 ⁸		2023 ¹⁴	
	RM juta RM million	% perubahan % change	RM juta RM million	% perubahan % change	RM juta RM million	% perubahan % change
Hasil <i>Revenue</i>	233,752	3.9	294,357	25.9	291,500	-1.0
Perbelanjaan mengurus <i>Operating expenditure</i>	231,516	3.1	292,693	26.4	289,140	-1.2
Baki semasa <i>Current balance</i>	2,236		1,664		2,360	
Perbelanjaan pembangunan (bersih) <i>Development expenditure (net)</i>	63,265	26.3	70,167	10.9	96,300	37.2
Kumpulan Wang COVID-19 ³ <i>COVID-19 Fund³</i>	37,711	-0.8	30,979	-17.9		
Baki keseluruhan <i>Overall balance</i>	-98,740		-99,482		-93,940	
% KDNK % GDP	-6.4		-5.6		-5.0	
Pinjaman dalam negeri (bersih) <i>Domestic borrowings (net)</i>	98,584		99,687		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) <i>Offshore borrowings (net)</i>	1,734		-266		-	
Perubahan aset ⁴ <i>Change in assets⁴</i>	-1,578		61		-	
		% KDNK % GDP		% KDNK % GDP		
Hutang Kerajaan Persekutuan⁵ <i>Federal Government Debt⁵</i>	979,814	63.4	1,079,591	60.4	-	-
Hutang dalam negeri <i>Domestic debt</i>	950,084	61.5	1,050,078	58.7	-	-
Bil perbendaharaan <i>Treasury bills</i>	28,000	1.8	31,500	1.8	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	423,266	27.4	471,300	26.3	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	480,718	31.1	538,178	30.1	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan <i>Government Housing Sukuk</i>	18,100	1.2	9,100	0.5	-	-
Pinjaman luar pesisir <i>Offshore borrowings</i>	29,730	1.9	29,513	1.7	-	-
Pinjaman pasaran <i>Market loans</i>	25,147	1.6	25,543	1.5	-	-
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	4,583	0.3	3,970	0.2	-	-

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

	2021	2022 ⁸		2023 ¹⁰	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH) <i>BALANCE OF PAYMENTS (NET)</i>	RM juta <i>RM million</i>	RM juta <i>RM million</i>	RM juta <i>RM million</i>	RM juta <i>RM million</i>	
Imbangan akaun semasa <i>Balance on current account</i>	58,700	47,205		55,172	
Barangan <i>Goods</i>	170,573	169,288		175,243	
Perkhidmatan <i>Services</i>	-60,728	-45,418		-31,333	
Pendapatan primer <i>Primary income</i>	-41,551	-63,555		-62,898	
Pendapatan sekunder <i>Secondary income</i>	-9,594	-13,110		-25,840	
Imbangan akaun modal dan kewangan <i>Balance on capital and financial accounts</i>	12,451	14,363		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih <i>Net errors and omissions</i>	-25,465	-8,253		-	
Imbangan keseluruhan <i>Overall balance</i>	45,686	53,314		-	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI <i>EXTERNAL TRADE</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>% change</i>	RM juta <i>RM million</i>
Eksport kasar antaranya: <i>Gross exports</i> of which:	1,241,022	26.1	1,551,736	25.0	1,575,859
Pembuatan <i>Manufactured</i>	1,068,431	25.8	1,306,665	22.3	1,327,302
Pertanian <i>Agriculture</i>	98,093	36.8	120,939	23.3	122,536
Perlombongan <i>Mining</i>	69,757	19.4	117,014	67.7	118,809
Import kasar antaranya: <i>Gross imports</i> of which:	987,344	23.3	1,296,636	31.3	1,311,533
Barangan pengantara <i>Intermediate goods</i>	545,801	27.2	705,738	29.3	715,352
Barangan modal <i>Capital goods</i>	103,823	14.4	120,324	15.9	121,779
Barangan penggunaan <i>Consumption goods</i>	83,893	13.2	104,133	24.1	105,213
Jumlah dagangan <i>Total trade</i>	2,228,366	24.9	2,848,372	27.8	2,887,393
Imbangan dagangan <i>Trade balance</i>	253,678	38.4	255,100	0.6	264,326
					3.6

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

HARGA PRICES	2021		2022		2023 ¹⁰	
	Indeks Index	% perubahan % change	Indeks Index	% perubahan % change	Indeks Index	% perubahan % change
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100) <i>Consumer Price Index (2010 = 100)</i>	123.1	2.5	127.2	3.3	-	2.8 - 3.8
Indeks Harga Pengeluar: Pengeluaran Tempatan (2010 = 100) <i>Producer Price Index: Local Production (2010 = 100)</i>	112.1	9.5	120.8	7.8	-	-
TENAGA BURUH LABOUR FORCE	Ribu Thousands	% perubahan % change	Ribu Thousands	% perubahan % change	Ribu Thousands	% perubahan % change
Tenaga buruh <i>Labour force</i>	15,797.2	0.8	15,933.1 ⁹	0.9 ⁹	16,140.2	1.3
Pengangguran ⁶ <i>Unemployment⁶</i>	733.0	(4.6)	629.3 ⁹	(3.8 - 4.0) ⁹	576.3	(3.5 - 3.7)
PASARAN KEWANGAN DAN MODAL FINANCIAL AND CAPITAL MARKETS	2021		2022			
Kadar faedah (kadar purata, %) <i>Interest rates (average rates, %)</i>	Disember December		Disember December			
Antara bank 3 bulan <i>3-month interbank</i>	1.92		2.56			
Bank perdagangan <i>Commercial banks</i>						
Deposit tetap: 3-bulan <i>Fixed deposits: 3-month</i>	1.56		1.95			
12 bulan <i>12-month</i>	1.72		2.11			
Deposit tabungan <i>Savings deposit</i>	0.54		0.68			
Kadar asas (BR) purata berwajaran <i>Weighted base rate (BR)</i>	2.43		2.83			
Kadar pinjaman asas (BLR) <i>Base lending rate (BLR)</i>	5.49		5.88			
Bil Perbendaharaan (3-bulan) <i>Treasury bills (3-month)</i>	-		-			
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁷ <i>Malaysian Government Securities⁷</i>						
1-tahun <i>1-year</i>	1.85		3.25			
5-tahun <i>5-year</i>	3.15		3.86			

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.) MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)

Pergerakan ringgit <i>Movement of ringgit</i>	2021		2022	
	Akhir Disember <i>End-December</i>		Akhir Disember <i>End-December</i>	
	RM bagi seunit <i>RM per unit of</i>	% perubahan ¹³ <i>% change¹³</i>	RM bagi seunit <i>RM per unit of</i>	% perubahan ¹³ <i>% change¹³</i>
Hak Pengeluaran Khas (SDR) <i>Special Drawing Rights (SDR)</i>	5.8447	-1.1	5.8730	-0.5
Dolar AS <i>US dollar</i>	4.1760	-3.9	4.4130	-5.4
Euro	4.7256	4.4	4.7038	0.5
100 yen Jepun <i>100 Japanese yen</i>	3.6286	7.2	3.3264	9.1
Bursa Malaysia	Akhir Disember <i>End-December</i>		Akhir Disember <i>End-December</i>	
FBM KLCI	1,567.53		1,495.49	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion) <i>Market capitalisation (RM billion)</i>	1,789.20		1,736.21	

¹ Data merujuk kepada anggaran penduduk pertengahan tahun berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang disesuaikan

² Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

³ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembentayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membayai pakej rangsangan dan pelan pemulihran ekonomi

⁴ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁵ Pada 2022, data adalah sehingga akhir Disember 2022

⁶ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁷ Hasil indikatif pasaran

⁸ Awalan

⁹ Anggaran

¹⁰ Unjuran

¹¹ Sekitar 4.5%

¹² Sekitar 5.6%

¹³ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

¹⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

¹ Year 2020 to 2022: Data refers to mid-year population estimates based on the adjusted 2020 Population and Housing Census of Malaysia

² Includes investment of public corporations

³ A specific trust fund established under the Temporary Measures for Government Financing (Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)) Act 2020 to finance economic stimulus packages and recovery plan

⁴ (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

⁵ For 2022, data is at end-December 2022

⁶ Figures in parentheses show the unemployment rate

⁷ Market indicative yield

⁸ Preliminary

⁹ Estimate

¹⁰ Forecast

¹¹ Approximately 4.5%

¹² Approximately 5.6%

¹³ Annual rate of appreciation (+) or depreciation (-) of the ringgit

¹⁴ Budget estimate excluding Budget 2023 measures

Note: Total may not add up due to rounding

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
AKRONIM DAN SINGKATAN	xxi
SEKSYEN 1 PRESTASI DAN TINJAUAN EKONOMI	
Perspektif Keseluruhan	3
Prestasi Ekonomi Global 2022	4
Prestasi Ekonomi Malaysia 2022	4
Sektoral	4
Sektor Perkhidmatan	4
Sektor Pembuatan	7
Sektor Pertanian	7
Sektor Perlombongan	8
Sektor Pembinaan	8
Permintaan Domestik	8
Sektor Luar Negeri	10
Prestasi Perdagangan	10
Imbangan Pembayaran	11
Harga	13
Pasaran Buruh	14
Tinjauan Ekonomi Global 2023	15
Tinjauan Ekonomi Malaysia 2023	15
Sektoral	15
Sektor Perkhidmatan	15
Sektor Pembuatan	17
Sektor Pertanian	17
Sektor Perlombongan	17
Sektor Pembinaan	17

Permintaan Domestik	18
Sektor Luar Negeri	19
Harga	20
Pasaran Buruh	20
Kesimpulan	21
Rujukan	22

SEKSYEN 2 DASAR FISKAL

Perspektif Keseluruhan	25
Kedudukan Fiskal 2022	25
Kedudukan Fiskal 2023	26
Prestasi 2022	27
Hasil Kerajaan Persekutuan	27
Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan	29
Kumpulan Wang COVID-19	32
Tinjauan Terkini 2023	33
Hasil Kerajaan Persekutuan	33
Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan	34
Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2023 – 2025	36
Kesimpulan	36

SEKSYEN 3 PENGURUSAN HUTANG DAN RISIKO FISKAL

Perspektif Keseluruhan	41
Pembiayaan	41
Hutang Kerajaan Persekutuan	42
Hutang Luar Malaysia	45
Hutang Sektor Awam	46
Pendedahan Hutang dan Liabiliti	47

Jaminan Kerajaan	48
Liabiliti Lain	49
Tinjauan Terkini 2023	50
Kesimpulan	50
SEKSYEN 4 INISIATIF STRATEGIK	
Strategi Belanjawan 2023: Membangun Negara MADANI	55
Sisipan 4.1 - Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi	55
KeMampanan	58
KesejAhteraan	59
Daya Cipta	60
HormAt	61
KeyakiNan	62
Ihsan	62
Kesimpulan	64
Rujukan	65
JADUAL PERANGKAAN	147
MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023 TERKINI	213
ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	247

JADUAL

Jadual 1.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor	4
Jadual 1.2. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat	8
Jadual 1.3. Perdagangan Luar Negeri	10
Jadual 1.4. Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	12
Jadual 1.5. Penduduk Bekerja mengikut Sektor	20
Jadual 2.1. Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan COVID-19	26
Jadual 2.2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	27
Jadual 2.3. Hasil Kerajaan Persekutuan	28
Jadual 2.4. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen	30
Jadual 2.5. Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor	31
Jadual 2.6. Kumpulan Wang COVID-19	32
Jadual 2.7. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	36
Jadual 3.1. Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	41
Jadual 3.2. Perundangan Hutang	43
Jadual 3.3. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen	44
Jadual 3.4. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	45
Jadual 3.5. Hutang Luar	46
Jadual 3.6. Hutang Sektor Awam	47
Jadual 3.7. Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	47
Jadual 3.8. Penerima Utama Jaminan Pinjaman	48
Jadual 3.9. Komitmen Jaminan	49
Jadual 3.10. Hutang 1MDB	49

RAJAH

Ekonomi Negara 2023	v
Bajet Kerajaan Persekutuan 2023	vi
Rajah 1.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	6
Rajah 1.2. Pengeluaran Sektor Pembuatan	7
Rajah 1.3. Jurang Tabungan-Pelaburan	9
Rajah 1.4. Rakan Dagang 10 Teratas	11
Rajah 1.5. Rizab Antarabangsa	13
Rajah 1.6. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar	14
Rajah 1.7. Kekosongan dan Pewujudan Jawatan	15
Rajah 1.8. Pemberhentian Pekerja dan Pengangguran	15
Rajah 2.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	37
Rajah 2.2. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	37
Rajah 2.3. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum	37
Rajah 2.4. Hasil sebagai Peratusan daripada KDNK	37
Rajah 2.5. Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen	37
Rajah 2.6. Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor	37
Rajah 3.1. Terbitan mengikut Tempoh Matang	51
Rajah 3.2. Kadar Hasil Indikatif MGS	51
Rajah 3.3. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	51
Rajah 3.4. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	52
Rajah 3.5. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	52
Rajah 3.6. Bayaran Khidmat Hutang	52
Rajah 3.7. Jaminan Pinjaman Terkumpul	52
Rajah 3.8. Pendedahan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	52

AKRONIM DAN SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Berhad	GHG	gas rumah kaca
5G	rangkaian selular generasi kelima	GLC	syarikat berkaitan kerajaan
AS	Amerika Syarikat	ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah	IHP	Indeks Harga Pengguna
BCX	Bursa Carbon Exchange	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
BNM	Bank Negara Malaysia	i-MILIKI	Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia
bps	mata asas	JENDELA	Jalinan Digital Negara
BTC	bidaan kepada terbitan	KITA PRIHATIN	Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN
CENDANA	Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
CITA	Cukai Pendapatan Syarikat	KVDT	Landasan Berkembar Lembah Klang
CKHT	Cukai Keuntungan Harta Tanah	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
COVID-19	Penyakit Coronavirus 2019	KWC-19	Kumpulan Wang COVID-19
CPO	minyak sawit mentah	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
CSO	pertubuhan masyarakat sivil	LNG	gas asli cecair
DanaInfra	DanaInfra Nasional Berhad	LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
DDI	pelaburan langsung domestik	DSC	bayaran khidmat hutang
DE	perbelanjaan pembangunan	E&E	elektrik dan elektronik
E&E	elektrik dan elektronik	ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur	EMDE	negara yang berkembang pesat dan negara membangun
EMDE	negara yang berkembang pesat dan negara membangun	ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus	FV	kenderaan elektrik
FV	kenderaan elektrik	FDI	pelaburan langsung asing
FDI	pelaburan langsung asing	Fed	Rizab Persekutuan AS
Fed	Rizab Persekutuan AS	FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	FIFA	Federation Internationale de Football Association
FIFA	Federation Internationale de Football Association	FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal	GG	jaminan kerajaan
GG	jaminan kerajaan	GHG	gas rumah kaca
GHG	gas rumah kaca	GLC	syarikat berkaitan kerajaan
GLC	syarikat berkaitan kerajaan	ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
ICT	teknologi maklumat dan komunikasi	IHP	Indeks Harga Pengguna
IHP	Indeks Harga Pengguna	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
IHPR	Indeks Harga Pengeluar	i-MILIKI	Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia
i-MILIKI	Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia	JENDELA	Jalinan Digital Negara
JENDELA	Jalinan Digital Negara	KITA PRIHATIN	Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN
KITA PRIHATIN	Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar	KVDT	Landasan Berkembar Lembah Klang
KVDT	Landasan Berkembar Lembah Klang	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	KWC-19	Kumpulan Wang COVID-19
KWC-19	Kumpulan Wang COVID-19	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	LNG	gas asli cecair
LNG	gas asli cecair	LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	DSC	bayaran khidmat hutang
DSC	bayaran khidmat hutang	E&E	elektrik dan elektronik
E&E	elektrik dan elektronik	ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur	EMDE	negara yang berkembang pesat dan negara membangun
EMDE	negara yang berkembang pesat dan negara membangun	ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus	FV	kenderaan elektrik
FV	kenderaan elektrik	FDI	pelaburan langsung asing
FDI	pelaburan langsung asing	Fed	Rizab Persekutuan AS
Fed	Rizab Persekutuan AS	FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	FIFA	Federation Internationale de Football Association
FIFA	Federation Internationale de Football Association	FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal	GG	jaminan kerajaan

AKRONIM DAN SINGKATAN

MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana	PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
MySPC	Majlis Perlindungan Sosial Malaysia	PRIHATIN PKS+	Langkah Tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat
MySTEP	Malaysia Short-Term Employment Programme	PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
NGO	pertubuhan bukan kerajaan	R&D	penyelidikan dan pembangunan
OE	perbelanjaan mengurus	R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi
OKU	orang kurang upaya	RM	Ringgit Malaysia
OPR	Kadar Dasar Semalam	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi	RTS	Rangkaian Sistem Transit Rapid
PEMERKASA+	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan	SABK	syarikat awam bukan kewangan
PEMULIH	Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi	SDG	Matlamat Pembangunan Mampu
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara	SJKP	Skim Jaminan Kredit Perumahan
PERMAI	Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia	SOE	syarikat milik kerajaan
PETRONAS	Petrolia Nasional Berhad	SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan
PFI	inisiatif pembiayaan swasta	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
PITA	cukai pendapatan petroleum	TNK	tabungan negara kasar
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana	TEU	unit bersamaan dua puluh kaki
PNK	pendapatan negara kasar	TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional
PPP	kerjasama awam swasta	USD	Dolar Amerika Syarikat
PPR	Program Perumahan Rakyat		
Prasarana	Prasarana Malaysia Berhad		

SEKSYEN 1

Prestasi dan Tinjauan Ekonomi

03 PERSPEKTIF KESELURUHAN

04 PRESTASI EKONOMI GLOBAL 2022

04 PRESTASI EKONOMI MALAYSIA 2022

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Sektor Pembuatan

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan

Sektor Pembinaan

Permintaan Domestik

Sektor Luar Negeri

Prestasi Perdagangan

Imbanan Pembayaran

Harga

Pasaran Buruh

15 TINJAUAN EKONOMI GLOBAL 2023

15 TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA 2023

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Sektor Pembuatan

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan

Sektor Pembinaan

Permintaan Domestik

Sektor Luar Negeri

Harga

Pasaran Buruh

21 KESIMPULAN

22 RUJUKAN

SEKSYEN 1

Prestasi dan Tinjauan Ekonomi

Perspektif Keseluruhan

Aktiviti ekonomi yang mampan menyokong pertumbuhan berdaya tahan

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global pada 2022 menyederhana kepada 3.4% mencerminkan kelembapan ekonomi dalam ekonomi maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE). Walaupun pertumbuhan global menyederhana, namun ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7% pada 2022 mengatasi unjuran awal antara 6.5% – 7% dengan nilai output benar melebihi paras prapandemik. Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh permintaan domestik dan pasaran buruh yang bertambah baik selaras dengan peralihan kepada fasa endemik. Pencapaian tersebut adalah hasil daripada peningkatan dalam aktiviti ekonomi termasuk perbelanjaan isi rumah, pelaburan dan pelancongan. Seterusnya, perkembangan menggalakkan dalam semua sektor ekonomi khususnya perkhidmatan dan pembuatan telah memberikan dorongan berterusan kepada pertumbuhan ekonomi dengan ketara pada 2022. Sementara itu, pertumbuhan ini juga disumbangkan oleh permintaan luar yang kukuh terutamanya dalam kalangan rakan dagang utama Malaysia.

Di sebalik pencapaian tersebut, ekonomi pada 2022 berdepan beberapa cabaran dengan tekanan inflasi yang semakin meningkat akibat harga komoditi dan makanan yang tinggi serta pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang menyederhana. Oleh itu, Kerajaan

telah mengambil pelbagai langkah holistik dan komprehensif untuk membantu rakyat dan perniagaan dalam menangani tekanan inflasi dan kos sara hidup yang lebih tinggi.

Pada 2023, pertumbuhan global diunjur semakin menyederhana sebanyak 2.9% akibat tekanan berterusan seperti inflasi, keadaan kewangan global yang semakin ketat dan prestasi ekonomi utama yang menyederhana. Berikutnya itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur turut menyederhana dalam keadaan momentum pertumbuhan global yang lebih perlahan. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang stabil khususnya perbelanjaan swasta serta inisiatif di bawah Belanjawan 2023 dan perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Pada masa yang sama, kelembapan permintaan luar dijangka menyederhanakan pertumbuhan eksport terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E) dan komoditi utama.

Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhan positif pada 2023 dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor lain iaitu pertanian, perlombongan dan pembinaan juga dijangka terus berkembang sejarar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, risiko penurunan seperti konflik geopolitik yang berpanjangan, bencana berkaitan iklim dan inflasi yang kekal tinggi dijangka terus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi global dan berpotensi menjelaskan prestasi ekonomi Malaysia. Secara keseluruhan, KDNK negara diunjur berkembang sekitar 4.5% pada 2023.

Prestasi Ekonomi Global 2022

Cabarani global memperlahan pertumbuhan

Berdasarkan laporan Wold Economic Outlook, Tabung Kewangan Antarabangsa pada Januari 2023, pertumbuhan global berkembang sebanyak 3.4% pada 2022 berikutan momentum pemulihan ekonomi 2021 yang terkesan dengan inflasi yang tinggi dan kekangan rantaian bekalan. Prestasi KDNK dalam kalangan ekonomi maju berkembang lebih perlahan iaitu 2.7% berikutan kadar inflasi tinggi yang melemahkan kuasa beli dan keyakinan isi rumah di samping perubahan pantas dasar monetari mengetat yang telah menggugat permintaan. Pertumbuhan ekonomi EMDE menyederhana sebanyak 3.9% disebabkan oleh permintaan yang lebih perlahan dan penurunan pertumbuhan eksport barang mengatasi pemulihan dalam industri pelancongan.

Perdagangan dunia berkembang sederhana iaitu 5.4% mencerminkan keseluruhan aktiviti ekonomi yang semakin perlahan. Ekonomi maju merekodkan pertumbuhan eksport sebanyak 4.2% dan import 6% iaitu lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya. Perdagangan dalam EMDE juga menyederhana dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah dicatatkan bagi eksport iaitu sebanyak 3.3% dan import 2.4%.

Inflasi global mencatatkan 8.8% pada 2022 sejajar dengan harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi. Kadar inflasi merekodkan 7.3% dalam kalangan ekonomi maju dan 9.9% dalam EMDE.

Prestasi Ekonomi Malaysia 2022

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Menerajui pertumbuhan

Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 10.9% pada 2022 terutamanya disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa, peningkatan perbelanjaan pengguna, penerimangunaan digitalisasi yang lebih tinggi merentasi semua sektor serta permintaan bagi perkhidmatan profesional yang semakin meningkat.

**JADUAL 1.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2021 – 2023
(pada harga malar 2015)**

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)			
		2022 ¹	2021	2022 ¹	2023 ²
Perkhidmatan	58.2	1.9	10.9	5.3	
Pembuatan	24.2	9.5	8.1	3.9	
Pertanian	6.6	-0.2	0.1	1.1	
Perlombongan	6.4	0.3	3.4	1.2	
Pembinaan	3.5	-5.2	5.0	6.1	
KDNK	100.0	3.1	8.7	~4.5³	

¹ Awalan

² Unjuran

³ Sekitar

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan sebanyak 13.5% pada 2022 disokong oleh prestasi kukuh dalam semua segmen berikutan peningkatan perbelanjaan isi rumah terutamanya disumbangkan oleh pasaran buruh yang bertambah baik. Segmen perdagangan runcit mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 18.3% terutamanya dipacu oleh jualan runcit di kedai bukan penghususan dan jualan runcit di kedai khusus yang menjual barang lain. Pertumbuhan ini selari dengan trend aktiviti perbelanjaan pelancongan yang memberangsangkan. Di samping itu, segmen kenderaan bermotor menyumbang secara signifikan kepada prestasi subsektor ini berikutan jualan kenderaan meningkat sebanyak 41.6% kepada 720,658 unit (Persatuan Automotif Malaysia, 2023).

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan melonjak sebanyak 30.8% pada 2022 didorong oleh pertumbuhan ketara dalam semua segmen berikutan peningkatan aktiviti di lebuh raya, pelabuhan dan lapangan terbang. Kadar aliran trafik di lebuh raya bertol meningkat sebanyak 56% kepada 1.7 bilion kenderaan terutamanya disebabkan oleh peningkatan aktiviti perjalanan khususnya semasa musim perayaan, cuti persekolahan dan pilihan raya umum. Peningkatan jumlah kendalian kargo dan kontena di pelabuhan disokong oleh permintaan luar yang kukuh dengan jumlah dagangan berkembang sebanyak 27.8% kepada RM2.8 trilion. Prestasi yang memberangsangkan dalam subsektor ini juga disokong oleh peningkatan ketara sebanyak 395.3% kepada 54.9 juta trafik penumpang udara di lapangan terbang sepanjang 2022 berikutan penerusan semula penerbangan antarabangsa secara berperingkat. Sementara itu, prestasi subsektor makanan & minuman dan penginapan kembali pulih dengan signifikan sebanyak 33.2% berikutan peningkatan berterusan dalam aktiviti berkaitan pelancongan sejarah dengan pemulihan ketara dalam kadar penginapan hotel dan bilangan pelanggan di restoran.


Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kembali mencatat pertumbuhan sebanyak 22.8% pada 2022 disokong oleh peningkatan aktiviti dalam kedua-dua segmen.

Segmen harta tanah bertambah baik terutamanya dalam aktiviti pajakan dan penyewaan harta tanah berikutan kadar faedah dan kos bahan binaan yang tinggi menyebabkan pemilikan harta tanah lebih mahal seterusnya menjadikan penyewaan sebagai alternatif yang lebih menarik. Demikian juga peningkatan dalam segmen perkhidmatan perniagaan dipacu oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya aktiviti guaman dan perakaunan. Di samping itu, subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 5.2% pada 2022 disokong oleh segmen telekomunikasi berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan e-dagang dan langganan pakej media penstriman termasuk pakej hiburan dan sukan. Pengembangan segmen ini turut disumbangkan oleh liputan jalur lebar yang lebih luas dan kelajuan internet yang lebih baik melalui inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Peningkatan permintaan produk pembuatan serta pembukaan semula semua sektor ekonomi menyumbang kepada subsektor utiliti yang berkembang sebanyak 3.8% berikutan penggunaan tenaga elektrik yang stabil oleh segmen perindustrian, perniagaan dan domestik. Sementara itu, subsektor kewangan dan insurans mencatat peningkatan marginal sebanyak 0.9% berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam segmen kewangan dan penguncutan dalam segmen insurans. Pertumbuhan lebih perlahan ini disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih rendah dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat serta tuntutan insurans lebih tinggi di samping premium dan pulangan pelaburan lebih rendah.

Subsektor perkhidmatan lain kembali meningkat sebanyak 9.2% berikutan segmen pendidikan dan kesihatan swasta bertambah baik sejarah dengan peningkatan pendaftaran kemasukan di kolej dan universiti swasta serta permintaan kukuh terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Peningkatan semula ini turut disokong oleh pemulihan dalam aktiviti sukan dan rekreasi berikutan peralihan negara kepada keadaan normal. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan meningkat sebanyak 4.7%.

RAJAH 1.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Januari hingga September

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)


Sektor Pembuatan

Pengembangan berterusan yang stabil

Sektor pembuatan meningkat sebanyak 8.1% pada 2022 berikutan pengukuhan permintaan global dan pengembangan industri domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran. Industri berorientasikan eksport yang merangkumi 69.2% daripada sektor pembuatan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.1%, manakala industri berorientasikan domestik berkembang sebanyak 10.3%. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E terus menerajui prestasi yang dipacu oleh permintaan kukuh daripada pasaran semikonduktor global terutamanya produk cip. Segmen bahan kimia juga bertambah baik disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi untuk produk perindustrian terutamanya bagi penggunaan berkaitan digital berikutan penerimangunaan teknologi terkini yang lebih meluas.

Bagi industri berorientasikan domestik pula, semua segmen berkembang terutamanya didorong oleh segmen berkaitan pengangkutan, makanan dan logam. Normalisasi dalam aktiviti perindustrian dan perniagaan telah merangsang permintaan segmen berkaitan pengangkutan. Segmen berkaitan makanan juga mendapat manfaat daripada penggunaan swasta yang lebih tinggi dan peningkatan dalam industri pelancongan. Di samping itu, pemulihan dalam sektor pembinaan menyumbang kepada prestasi yang lebih baik untuk segmen berkaitan logam.

RAJAH 1.2. Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pertanian

Subsektor kelapa sawit memacu pertumbuhan

Sektor pertanian kembali pulih sebanyak 0.1% pada 2022 terutamanya disokong oleh pemulihan subsektor kelapa sawit berikutan harga lebih kukuh, kemasukan semula pekerja asing dalam industri perladangan secara beransur-ansur dan peningkatan hasil buah tandan segar terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2022. Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) meningkat

sebanyak 1.9% kepada 18.5 juta tan metrik terutamanya disumbangkan oleh pengeluaran lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Di samping itu, subsektor perikanan dan ternakan turut mendorong pertumbuhan sektor ini sebahagiannya disokong oleh pengembangan dalam segmen akuakultur dan ayam itik bagi memenuhi peningkatan permintaan daripada isi rumah dan perniagaan berkaitan makanan. Walau bagaimanapun, prestasi subsektor pertanian lain, perhutanan dan pembalakan serta getah yang menyusut telah memperlambangkan pertumbuhan sektor ini.

Sektor Perlombongan

Pertumbuhan dipacu subsektor gas asli yang lebih kukuh

Sektor perlombongan meningkat sebanyak 3.4% pada 2022 disokong oleh prestasi subsektor gas asli yang lebih kukuh dan subsektor minyak mentah dan kondensat yang lebih baik terutamanya pada separuh kedua 2022. Subsektor gas asli terus memacu pertumbuhan sektor ini berikutan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dari medan gas sedia ada dan baharu di Sarawak dan Terengganu. Sementara itu, pengoperasian semula medan minyak utama di Sabah telah menyokong subsektor minyak mentah dan kondensat.

Sektor Pembinaan

Aktiviti kukuh menyokong pertumbuhan

Sektor pembinaan kembali pulih sebanyak 5% pada 2022 terutamanya disumbangkan oleh prestasi positif subsektor bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan khas. Peningkatan permintaan bagi bangunan perindustrian telah disokong oleh pelaburan swasta yang bertambah baik dan aktiviti ekonomi domestik yang teguh. Penyegeeraan pelaksanaan projek infrastruktur seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Rangkaian Sistem Transit Rapid (RTS) turut menyokong prestasi sektor ini. Selain itu, pembangunan harta tanah kediaman kekal aktif didorong oleh pelaksanaan langkah di bawah Bajet 2022 termasuk jaminan kerajaan sehingga

RM2 bilion melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) serta projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion.

Permintaan Domestik

Sektor swasta menerajui pertumbuhan

Permintaan domestik terus menerajui pertumbuhan dan berkembang sebanyak 9.2% pada 2022. Pengembangan ini didorong oleh perbelanjaan swasta yang kukuh dan meningkat sebanyak 10.4% berikutan permintaan domestik yang mengukuh, sokongan dasar yang berterusan dan aktiviti ekonomi yang rancak seiring dengan peralihan kepada fasa endemik. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam meningkat sebanyak 4.3% terutamanya disokong oleh perbelanjaan modal yang tinggi oleh syarikat awam.

JADUAL 1.2. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2021 – 2023 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
		2022 ²	2021	2022 ²
Permintaan domestik	93.1	1.7	9.2	5.4
Perbelanjaan swasta	75.6	2.0	10.4	6.1
Penggunaan	60.2	1.9	11.3	6.1
Pelaburan	15.4	2.6	7.2	5.8
Perbelanjaan awam	17.5	0.6	4.3	2.5
Penggunaan	13.2	5.3	3.9	1.0
Pelaburan	4.4	-11.3	5.3	7.0
Sektor luar¹	5.4	-4.1	-1.8	13.0
Eksport	71.7	15.4	12.8	3.1
Import	66.3	17.7	14.2	2.3
KDNK	100.0	3.1	8.7	~ 4.5⁴

¹ Barang dan perkhidmatan bukan faktor

² Awalan

³ Unjuran

⁴ Sekitar

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 11.3% pada 2022 terutamanya didorong oleh pasaran buruh dan aktiviti pelancongan yang bertambah baik. Peluang pekerjaan semakin bertambah berikutan sokongan dasar berterusan oleh Kerajaan termasuk program

subsidi upah, JaminKerja Keluarga Malaysia dan *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP). Di samping itu, langkah yang diambil oleh Kerajaan khususnya bantuan tunai untuk kumpulan sasar dan subsidi penggunaan ke atas barang dan perkhidmatan terpilih telah membantu membendung tekanan inflasi seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna.


Peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan dan perbelanjaan pelancong berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa, pengeluaran khas KWSP pada April 2022, Pilihan Raya Umum Ke-15 dan musim Piala Dunia FIFA juga menyumbang kepada pertumbuhan penggunaan swasta. Prestasi kukuh penggunaan swasta turut ditunjukkan melalui beberapa petunjuk penggunaan seperti jualan kereta penumpang yang meningkat sebanyak 41.8%, pengeluaran kredit penggunaan 33.3% dan import barang penggunaan 24.1%. Pertumbuhan kukuh dalam penggunaan swasta juga seiring dengan peningkatan pendapatan e-dagang yang berkembang sebanyak 6.1% pada 2022.

Pelaburan swasta meningkat sebanyak 7.2% disumbangkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan sejajar dengan beberapa petunjuk pelaburan seperti import barang pengantara yang meningkat sebanyak 29.3% dan import barang modal 15.9%. Seiring dengan aktiviti ekonomi domestik yang bertambah baik, Malaysia terus mencatat pelaburan asing yang menggalakkan. Prestasi ini dicerminkan oleh peningkatan pelaburan yang diluluskan sebanyak 2.5% bernilai RM193.7 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2022 dengan pelaburan asing kekal sebagai penyumbang utama sebanyak RM130.7 bilion. Pelaburan langsung asing (FDI) juga mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM73.3 bilion pada 2022 berbanding RM48.1 bilion pada 2021 terutamanya dalam sektor pembuatan, kewangan dan aktiviti insurans/takaful serta maklumat dan komunikasi. Negara utama yang menyumbang kepada aliran masuk FDI bersih termasuk AS, Singapura dan Jepun.

Pelaburan awam meningkat sebanyak 5.3% terutamanya disumbangkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh syarikat awam. Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terus mengutamakan pelaburan dengan impak pengganda yang tinggi kepada ekonomi seperti Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) serta projek bekalan air dan elektrik luar bandar di seluruh negara. Sementara itu, penggunaan awam meningkat sebanyak 3.9% didorong oleh peningkatan dalam perkhidmatan dan bekalan terutamanya dalam sektor berkaitan kesihatan.

Pendapatan negara nominal mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 14.7% pada 2022. Sementara itu, tabungan negara kasar (TNK) dan jumlah pelaburan kekal signifikan sebanyak 27.5% dan 24.8% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Oleh itu, jurang tabungan-pelaburan merekodkan lebih RM47.2 bilion atau 2.7% daripada PNK seterusnya menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk membiayai aktiviti ekonomi domestik.

RAJAH 1.3. Jurang Tabungan-Pelaburan (% daripada PNK)



¹ Awalan

² Unjuran

³ Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Luar Negeri

Prestasi yang terus memberangsangkan

Prestasi Perdagangan

Jumlah dagangan meningkat sebanyak 27.8% kepada RM2,848.4 bilion pada 2022 disokong oleh permintaan luar yang kukuh dan aktiviti ekonomi domestik yang rancak di sebalik konflik Rusia-Ukraine dan langkah pembendungan COVID-19 yang berpanjangan di China. Lebihan dagangan juga berkembang sebanyak 0.6% kepada RM255.1 bilion.

Eksport kasar melonjak sebanyak 25% kepada RM1,551.7 bilion pada 2022 didorong oleh permintaan luar yang kukuh daripada rakan dagang utama berikutan penggunaan teknologi dan digitalisasi yang meluas pada peringkat global. Eksport barang pembuatan berkembang sebanyak 22.3% kepada RM1,306.7 bilion disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi bagi produk E&E iaitu sebanyak 30.2% dan bukan E&E 16.4%.

Eksport produk E&E yang tinggi dipacu oleh permintaan yang kukuh untuk semikonduktor; kelengkapan peralatan telekomunikasi dan peralatan pemprosesan data automatik.

Eksport produk E&E ke pasaran utama meningkat terutamanya ke AS, Singapura, China dan Hong Kong. Eksport yang lebih tinggi bagi produk bukan E&E juga direkodkan untuk produk petroleum; jentera, kelengkapan dan peralatan; barang optik dan saintifik serta kimia dan produk kimia apabila aktiviti ekonomi global meningkat.

Sementara itu, Malaysia sebagai negara pengeksport komoditi bersih mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi. Eksport barang pertanian meningkat sebanyak 23.3% kepada RM120.9 bilion didorong permintaan terhadap minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta pertanian lain. Eksport barang perlombongan turut meningkat sebanyak 67.7% disokong oleh peningkatan eksport petroleum mentah (71.7%) dan gas asli cecair (LNG) (78%) berikutan permintaan global yang tinggi.

**JADUAL 1.3. Perdagangan Luar Negeri,
2021 – 2023**

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Jumlah dagangan	2,228,366	2,848,372	2,887,393	24.9	27.8	1.4
Eksport kasar	1,241,022	1,551,736	1,575,859	26.1	25.0	1.6
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	1,068,431	1,306,665	1,327,302	25.8	22.3	1.6
Pertanian	98,093	120,939	122,536	36.8	23.3	1.3
Perlombongan	69,757	117,014	118,809	19.4	67.7	1.5
Import kasar	987,344	1,296,636	1,311,533	23.3	31.3	1.1
<i>antaranya:</i>						
Barangan pengantara	545,801	705,738	715,352	27.2	29.3	1.4
Barangan modal	103,823	120,324	121,779	14.4	15.9	1.2
Barangan penggunaan	83,893	104,133	105,213	13.2	24.1	1.0
Imbangan dagangan	253,678	255,100	264,326	38.4	0.6	3.6


¹ Awalan

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.4. Rakan Dagang 10 Teratas, 2022
(% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar melonjak sebanyak 31.3% kepada RM1,296.6 bilion pada 2022 disokong oleh barang pengantara, barang modal dan barang penggunaan selaras dengan pengembangan ekonomi domestik susulan pembukaan semula ekonomi. Barang pengantara meningkat sebanyak 29.3% berikutan import lebih tinggi bagi bahan api dan pelincir; alat ganti dan aksesori serta bekalan perindustrian. Selain itu, barang modal berkembang sebanyak 15.9% terutamanya disumbangkan oleh kelengkapan pengangkutan untuk pengeluaran perindustrian manakala barang penggunaan meningkat sebanyak 24.1% berikutan import lebih tinggi bagi barang pengguna tahan lama serta makanan dan minuman terutamanya untuk kegunaan isi rumah.

Imbangan Pembayaran

Pada 2022, lebihan akaun semasa imbangan pembayaran mengecil kepada RM47.2 bilion atau 2.7% daripada PNK. Lebihan yang lebih kecil ini disebabkan oleh defisit yang lebih tinggi dalam akaun pendapatan. Perkara ini berikutan lebihan yang terus dicatatkan dalam akaun barang dan defisit yang lebih kecil dalam akaun perkhidmatan.

Akaun barang terus mencatat lebihan sebanyak RM169.3 bilion dipacu oleh peningkatan eksport barang pembuatan, pertanian dan perlombongan. Sementara itu, akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM45.4 bilion berikutan peningkatan terimaan dalam akaun

perjalanan serta defisit lebih kecil dalam akaun pengangkutan dan akaun perkhidmatan lain. Peningkatan ketibaan pelancong pada 2022 menyumbang kepada defisit lebih kecil dalam akaun perjalanan iaitu sebanyak RM1.8 bilion berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Akaun perkhidmatan lain juga mencatat defisit lebih kecil iaitu sebanyak RM9.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan terimaan bagi perkhidmatan perniagaan lain; perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain; serta pembinaan. Akaun pengangkutan turut mencatat defisit yang lebih besar iaitu sebanyak RM33.9 bilion berikutan bayaran lebih tinggi disebabkan oleh kebergantungan berterusan terhadap

perkhidmatan pengangkutan asing di samping pengembangan dalam aktiviti perdagangan.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit lebih tinggi sebanyak RM63.6 bilion pada 2022 berikutan pengurangan pendapatan pelaburan dan peningkatan aliran keluar pendapatan berjumlah RM137.8 bilion. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh penghantaran pulang keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Selain itu, pampasan pekerja mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM7.1 bilion disebabkan oleh peningkatan bilangan profesional asing di Malaysia berikutan penerusan semula projek berimpak tinggi.

**JADUAL 1.4. Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2021 – 2023
(RM juta)**

	2021			2022 ¹			2023 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barang dan perkhidmatan	1,063,817	953,972	109,845	1,320,329	1,196,459	123,870	1,438,458	1,294,548	143,910
Barangan	977,076	806,503	170,573	1,181,380	1,012,092	169,288	1,274,754	1,099,511	175,243
Perkhidmatan	86,741	147,469	-60,728	138,949	184,367	-45,418	163,704	195,037	-31,333
Pengangkutan	15,455	47,907	-32,452	25,672	59,536	-33,864	29,223	62,929	-33,706
Perjalanan	320	14,884	-14,563	27,853	29,632	-1,780	49,350	37,954	11,396
Perkhidmatan lain	70,965	84,679	-13,713	85,424	95,198	-9,775	85,131	94,154	-9,023
Pendapatan primer	98,166	139,716	-41,551	88,564	152,119	-63,555	89,386	152,284	-62,898
Pampasan pekerja	6,487	13,090	-6,603	7,214	14,351	-7,137	7,136	15,695	-8,559
Pendapatan pelaburan	91,679	126,627	-34,948	81,350	137,768	-56,418	82,250	136,589	-54,339
Pendapatan sekunder	20,503	30,098	-9,594	24,263	37,374	-13,110	20,275	46,115	-25,840
Imbangan akaun semasa	1,182,486	1,123,787	58,700	1,433,157	1,385,952	47,205	1,548,119	1,492,948	55,172
% daripada PNK			3.9				2.7		3.0

¹ Awalan


² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder pada 2022 meningkat kepada RM24.3 bilion berikutan penerimaan *one-off* dan kiriman wang masuk yang lebih tinggi oleh rakyat Malaysia bekerja di luar negara. Bayaran dalam akaun pendapatan sekunder meningkat kepada RM37.4 bilion menyebabkan defisit lebih tinggi sebanyak RM13.1 bilion. Setelah aktiviti ekonomi kembali normal dan gaji minimum disemak semula, bayaran meningkat berikutan kiriman wang keluar lebih tinggi oleh pekerja asing dari Indonesia, Bangladesh, India, Singapura dan Nepal.

Akaun kewangan merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM14.8 bilion pada 2022 berbanding RM13 bilion pada 2021. Perkara ini disumbangkan oleh aliran masuk bersih yang meningkat dengan ketara dalam akaun pelaburan lain yang melebihi aliran keluar bersih akaun pelaburan portfolio dan akaun derivatif kewangan serta aliran masuk bersih yang lebih rendah dalam akaun pelaburan langsung. Selain itu, FDI mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM73.3 bilion terutamanya disalurkan dalam sektor pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful serta sektor maklumat dan komunikasi. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM57.3 bilion. Aliran keluar terutamanya disalurkan dalam aktiviti kewangan dan insurans/takaful, sektor perdagangan borong dan runcit serta sektor perlombongan dan pengkuarian.

RAJAH 1.5. Rizab Antarabangsa



Pada 30 Disember 2022, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM503.3 bilion atau USD114.6 bilion mencukupi untuk membayai 5.2 bulan import barang dan perkhidmatan dan 1.0 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek (akhir Disember 2021: RM486.8 bilion; USD116.9 bilion; 7.7 bulan; 1.2 kali)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Harga


Bebanan inflasi makanan berterusan

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar 3.3% disebabkan oleh tekanan ke atas harga makanan segar tertentu yang berpunca daripada kenaikan harga komoditi bukan tenaga serta peningkatan permintaan pascapandemik. Inflasi makanan

dan minuman bukan alkohol kekal tinggi sepanjang tahun dengan merekodkan 5.8% pada 2022 berbanding 1.7% pada 2021. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah dibendung oleh kawalan harga sedia ada dan peruntukan subsidi bagi item barang keperluan terpilih.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berdasarkan pengeluaran tempatan meningkat sebanyak 7.8% disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih tinggi terutamanya minyak mentah dan gas asli. Peningkatan IHPR didorong oleh kenaikan dalam sektor perlombongan (12.6%), pembuatan (8.4%) serta bekalan air (2.6%).

RAJAH 1.6. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran Buruh

Pemulihan kukuh dalam pasaran buruh

Aktiviti sosioekonomi yang pesat dan pelaksanaan pelbagai inisiatif penstabilan pekerjaan yang berkesan telah merangsang pemulihan pasaran buruh daripada kesan pandemik. Ekonomi telah berjaya kembali kepada tahap guna tenaga penuh bermula pada suku kedua 2022. Walaupun pengangguran masih

belum kembali kepada trajektori prapandemik, namun kebanyakan penunjuk pasaran buruh yang lain seperti pewujudan pekerjaan, kekosongan dan pemberhentian pekerja telah mencatatkan pemulihan ketara disumbangkan oleh permintaan buruh yang tinggi dalam semua sektor ekonomi. Meskipun kadar pengangguran belia masih mencatat angka dua digit, namun telah menunjukkan trend penurunan. Kadar pengangguran keseluruhan bagi 2022 dijangka antara 3.8% – 4%.

RAJAH 1.7. Kekosongan dan Pewujudan Jawatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 1.8. Pemberhentian Pekerja dan Pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia

Tinjauan Ekonomi Global 2023

Prospek pertumbuhan sederhana

Berdasarkan unjuran IMF, ekonomi global dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.9% pada 2023 disebabkan oleh pertumbuhan perlahan di China berikutan krisis pasaran hartanah yang semakin meruncing dan kesan limpahan daripada konflik geopolitik di Eropah Timur. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.2% manakala pertumbuhan KDNK dalam EMDE diunjur stabil pada 4%.

Perdagangan global diunjur mencatat 2.4% terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan output global yang dijangka lebih perlahan. Perdagangan dalam ekonomi maju dianggar mencatat pertumbuhan eksport sebanyak 2.5% dan import 2%. Pertumbuhan eksport dan import dalam EMDE juga dijangka berkembang perlahan sebanyak 2.9% dan 3%.

Pada 2023, inflasi global diunjur pada paras 6.6% mencerminkan keyakinan bahawa inflasi akan berkurang apabila kebanyakan bank pusat dalam kalangan ekonomi maju mengetatkan dasar monetari. Kadar inflasi dalam kalangan ekonomi maju dijangka merekodkan 4.6% manakala EMDE 8.1%.

Tinjauan Ekonomi Malaysia 2023

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Terus memacu pertumbuhan

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang sebanyak 5.3% pada 2023 dipacu oleh permintaan domestik walaupun aktiviti global menyederhana. Pertumbuhan ini terus didorong oleh subsektor perdagangan borong

dan runcit; pengangkutan dan penyimpanan; maklumat dan komunikasi; makanan & minuman dan penginapan; serta kewangan dan insurans.

Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka berkembang dan kekal sebagai subsektor utama berikutan penggunaan e-dagang yang lebih meluas dan peralihan pantas kepada digitalisasi. Peningkatan transaksi dalam talian adalah selaras dengan matlamat mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai. Segmen kenderaan bermotor juga dijangka menyokong pertumbuhan subsektor dengan pengenalan model baharu kenderaan elektrik (EV).

Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang diterajui oleh segmen perkhidmatan perniagaan berikutan permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya kejuruteraan, guaman dan perakaunan. Sementara itu, segmen harta tanah diunjur meningkat disokong oleh permintaan pasaran perumahan dan aktiviti penyewaan yang lebih kukuh.

Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka terus berkembang terutamanya dipacu oleh penerimanaan digital yang lebih meluas oleh perniagaan dan individu khususnya penggunaan *Fixed Wireless Access* dan teknologi lain yang bersesuaian. Di samping itu, usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam infrastruktur berkaitan digital seperti pusat data dan perkhidmatan pengkomputeran awan serta peningkatan berterusan aktiviti penstriman dalam talian akan melonjakkan lagi prestasi subsektor ini.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan diunjur berkembang dengan kebanyakan segmen disokong oleh pengembangan dalam aktiviti rel, lebuh raya, pelabuhan dan lapangan terbang. Segmen pengangkutan darat dijangka meningkat berikutan pengoperasian Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya, Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam

dan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang. Di samping itu, segmen pengangkutan udara dijangka berkembang seiring dengan pertambahan trafik penumpang dan pergerakan pesawat susulan aktiviti berkaitan pelancongan yang terus bertambah baik dan peningkatan kekerapan penerbangan. Sementara itu, segmen pengangkutan air diunjur menyederhana berikutan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka meneruskan momentum pertumbuhan sejarah dengan pelaksanaan berterusan bagi inisiatif di bawah Pelan Pemulihian Pelancongan 2022. Pelan pemulihian ini menumpu kepada pengukuhan pemain industri untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan. Inisiatif tersebut termasuk kerjasama dengan pemain industri untuk mengenal pasti dan menghasilkan produk pelancongan dan kebudayaan yang memenuhi citarasa pelancong serta mempelbagaikan acara perniagaan ke arah aktiviti baru muncul. Di samping itu, pertambahan cawangan francais makanan dan minuman dijangka terus merancakkan subsektor ini.

Subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat susulan aktiviti ekonomi yang bertambah baik. Pelan Sektor Kewangan, 2022 – 2026 dijangka meningkatkan prestasi segmen kewangan melalui pelaksanaan teras strategik antara lain memajukan digitalisasi dalam sektor kewangan serta meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan. Segmen insurans pula dijangka kembali pulih berikutan peningkatan premium dan pulangan pelaburan di samping tuntutan yang lebih rendah.

Subsektor utiliti dijangka terus bertambah baik didorong oleh permintaan stabil dalam segmen elektrik dan gas seiring dengan aktiviti ekonomi yang berterusan. Di samping itu, peluasan sambungan grid di bawah projek elektrifikasi luar bandar dijangka terus merangsang pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor perkhidmatan lain dijangka berkembang disokong oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Usaha meluas Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) dalam forum antarabangsa untuk mempromosikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, boleh diakses dan berpatutan serta pembukaan semula sempadan akan melonjakkan prestasi segmen kesihatan swasta. Dalam hal ini, MHTC menganggarkan hasil pelancongan penjagaan kesihatan meningkat sebanyak 30% kepada lebih daripada RM1.5 bilion pada 2023. Segmen pendidikan swasta juga dijangka kekal memberangsangkan sejajar dengan bilangan pelajar asing yang menggalakkan berikutan yuran pendidikan yang kompetitif ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka terus berkembang pada 2023.

Sektor Pembuatan

Terus berkembang dalam keadaan aktiviti ekonomi yang menyederhana

Sektor pembuatan diunjur meningkat sebanyak 3.9% pada 2023 didorong oleh pengembangan dalam semua subsektor walaupun dalam keadaan aktiviti ekonomi yang menyederhana. Industri berorientasikan eksport dijangka berkembang kukuh dengan segmen E&E terus memacu pertumbuhan sektor. Pengeluaran dalam industri berorientasikan domestik turut diunjur bertambah baik disokong oleh output yang lebih tinggi dalam segmen besi dan keluli serta segmen berkaitan pembinaan lain. Pertumbuhan ini sejajar dengan potensi pengembangan dalam aktiviti pembinaan berkaitan kediaman dan bukan kediaman serta penerusan beberapa projek infrastruktur.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan disokong pasaran buruh yang mengukuh

Sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 1.1% pada 2023 berikutan peningkatan berterusan dalam subsektor kelapa sawit,

ternakan dan perikanan. Subsektor kelapa sawit dijangka berkembang didorong oleh pengeluaran MSM lebih tinggi berikutan penawaran tenaga buruh yang bertambah baik. Seiring dengan jangkaan pengeluaran yang lebih baik, purata harga MSM diunjur sekitar RM4,000 setan. Tambahan pula, faktor luaran termasuk ketersediaan bekalan minyak boleh dimakan yang lain dijangka mempengaruhi harga MSM. Subsektor ternakan dan perikanan dijangka terus meningkat dan menyokong pertumbuhan sektor ini. Prestasi ini didorong oleh usaha bersepdu untuk memperkuuh keterjaminan makanan. Namun begitu, subsektor getah serta perhutanan dan pembalakan diunjur mencatat pertumbuhan negatif pada 2023.

Sektor Perlombongan

Berkembang namun pada kadar lebih perlahan

Penyiapan projek saluran paip baharu di Sarawak dijangka merancakkan pengeluaran gas asli, terutamanya pada separuh kedua 2023. Selain itu, peningkatan permintaan daripada rakan dagang utama serta permintaan baharu daripada segmen industri dan petrokimia domestik dijangka terus menyokong pertumbuhan subsektor gas asli. Namun begitu, pengeluaran minyak mentah dan kondensat diunjur menyederhana berikutan penurunan kadar pengeluaran daripada medan sedia ada di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, sektor perlombongan dianggar berkembang sebanyak 1.2% pada 2023. Dari aspek harga, minyak mentah Brent diunjur mencatat purata sebanyak USD80 setong berikutan jangkaan permintaan yang lebih rendah disebabkan oleh ekonomi global yang menyederhana.

Sektor Pembinaan

Pengukuhan aktiviti ke arah berdaya tahan

Sektor pembinaan diunjur meningkat sebanyak 6.1% pada 2023 berikutan prestasi lebih baik dalam semua subsektor. Pelaksanaan projek baharu seperti menaik taraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa 2 dan

penyegearan pelaksanaan projek infrastruktur yang sedang dalam pembinaan termasuk ECRL, LRT3 dan pelaksanaan rangkaian selular generasi kelima (5G) dijangka menerajui subsektor kejuruteraan awam. Tambahan pula, projek pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan diunjur dapat meningkatkan permintaan bagi bangunan bukan kediaman. Aktiviti dalam subsektor bangunan kediaman dijangka berkembang dengan stabil didorong oleh peningkatan dalam penawaran rumah mampu milik selaras dengan strategi RMKe-12. Di samping itu, penerusan insentif i-MILIKI bagi menggalakkan pemilikan rumah dijangka dapat merangsang permintaan terhadap bangunan kediaman.

Permintaan Domestik

Terus memacu pertumbuhan

Permintaan domestik diunjur berkembang sebanyak 5.4% pada 2023 walaupun berhadapan dengan jangkaan persekitaran global yang mencabar. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang dijangka berkembang sebanyak 6.1%. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam diunjur meningkat sebanyak 2.5%.

Penambahbaikan pasaran buruh yang berterusan serta peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan China dijangka menyokong pertumbuhan penggunaan swasta sebanyak 6.1% meskipun pada kadar yang sederhana. Unjuran perbelanjaan pengguna yang menyederhana adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan yang semakin perlaha berikutan pengurangan impak pengeluaran khas KWSP serta kesan tertangguh (*lag effect*) kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR). Namun begitu, usaha berterusan Kerajaan bagi membendung inflasi, pemberian Sumbangan Tunai Rahmah untuk kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta bantuan khas kewangan RM700 kepada penjawat awam dan RM350 kepada pesara

Kerajaan pada Januari 2023 dijangka dapat menyokong pendapatan boleh guna isi rumah dan merangsang perbelanjaan swasta.

Pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 5.8% terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan didorong oleh usaha Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus yang baik, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan memudah cara kelulusan pelaburan yang lebih pantas. Pelbagai langkah akan dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing dan ekosistem pelaburan Malaysia yang dijangka dapat merangsang lebih banyak pelaburan berkualiti seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Langkah tersebut termasuk penubuhan dana dan pemberian insentif untuk menyokong penerimanaan digitalisasi, teknologi termaju, automasi, teknologi hijau serta amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang lebih meluas dalam kalangan perniagaan. Tumpuan Kerajaan terhadap peningkatan kapasiti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dijangka terus mendorong pertumbuhan pelaburan swasta.

Perbelanjaan modal sektor awam terus menjadi pelengkap kepada pelaburan sektor swasta. Projek utama yang dijangka bermula pada 2023 ialah projek menaik taraf KVDT Fasa 2. Penerusan projek berkaitan pengangkutan berskala besar seperti LRT3, ECRL dan RTS juga akan merancakkan pelaburan awam. Keseluruhananya, pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak 7% pada 2023. Penggunaan awam turut dijangka berkembang sebanyak 1% berikutan perbelanjaan lebih tinggi bagi emolument terutamanya disebabkan oleh Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas untuk kakitangan awam.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang menyederhana, PNK pada harga semasa dijangka berkembang sebanyak 5.8% pada 2023. Sementara itu, TNK dan jumlah pelaburan dijangka mencatat 25.4% dan 22.4% daripada PNK. Jurang tabungan-pelaburan dijangka terus mencatat lebihan sebanyak

RM55.2 bilion atau 3% daripada PNK yang membolehkan negara membaiayai pelaburan terutamanya daripada sumber domestik.

Sektor Luar Negeri

Pertumbuhan menyederhana susulan ketidaktentuan global yang berterusan

Pada 2023, eksport kasar dijangka menyederhana sebanyak 1.6% merentasi semua sektor. Jangkaan kelembapan permintaan luar adalah disebabkan oleh pertumbuhan yang kurang memberangsangkan berikutan ketidakstabilan geopolitik berterusan serta unjuran harga komoditi global lebih rendah.

Eksport barang pembuatan dijangka meningkat sebanyak 1.6% disokong oleh permintaan berterusan bagi produk E&E iaitu 45.5% daripada jumlah eksport barang pembuatan dan produk bukan E&E sebanyak 55.5%. Produk E&E dijangka berkembang sebanyak 1.8% berikutan permintaan berterusan untuk semikonduktor terutamanya litar bersepadu elektronik, pemproses dan kawalan sejarar dengan inovasi teknologi di seluruh dunia. Selain itu, eksport produk bukan E&E dianggar berkembang sebanyak 1.4% berikutan peningkatan dalam permintaan terutamanya bagi produk petroleum, kimia dan produk kimia serta barang pembuatan logam walaupun aktiviti ekonomi global menyederhana.

Eksport barang pertanian dijangka berkembang sebanyak 1.3% pada 2023 disokong oleh permintaan lebih tinggi untuk minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit. Tambahan pula, pendapatan eksport daripada barang perlombongan dianggar meningkat sebanyak 1.5% disumbangkan oleh permintaan lebih kukuh daripada pasaran utama khususnya untuk LNG (1.5%) meskipun permintaan untuk petroleum mentah (2.2%) menyederhana dalam kalangan rakan dagang utama.

Import kasar dijangka meningkat sebanyak 1.1% pada 2023 berikutan permintaan tinggi untuk barang pengantara, barang modal dan barang penggunaan yang menunjukkan permintaan domestik dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik. Import barang pengantara dijangka meningkat sebanyak 1.4% berikutan pengembangan sektor pembuatan dan pembinaan domestik. Import barang modal juga dijunjung meningkat sebanyak 1.2% susulan penerusan semula projek infrastruktur termasuk ECRL, LRT3 dan pelaksanaan 5G. Selain itu, apabila perbelanjaan swasta terus meningkat seiring dengan peningkatan keyakinan pengguna, import barang penggunaan dijunjung turut berkembang sebanyak 1% didorong oleh makanan dan minuman.

Imbangan akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan sebanyak RM55.2 bilion atau 3% daripada PNK pada 2023. Walaupun permintaan daripada rakan dagang utama dijunjung perlahan disebabkan pertumbuhan global yang menyederhana, namun akaun barang dianggar terus mencatat lebihan sebanyak RM175.2 bilion. Peningkatan terimaan dalam akaun pengangkutan dan perjalanan dijangka akan mengecilkan defisit dalam akaun perkhidmatan kepada RM31.3 bilion. Terimaan daripada perkhidmatan pengangkutan dijunjung meningkat kepada RM29.2 bilion didorong oleh pendapatan lebih tinggi daripada perkhidmatan pengangkutan udara dan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik. Selain itu, kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing dijangka meningkatkan bayaran untuk pengangkutan kepada RM62.9 bilion di sebalik pengembangan aktiviti perdagangan.

Aktiviti pelancongan yang kembali rancak pada 2023 dijangka akan memulihkan akaun perjalanan untuk mencatat lebihan berjumlah RM11.4 bilion. Terimaan daripada akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM49.4 bilion berikutan ketibaan pelancong dan perbelanjaan per kapita yang lebih tinggi.

Sementara itu, bayaran dijangka mencatat RM38 bilion disebabkan oleh perbelanjaan penduduk Malaysia di luar negara serta aktiviti perniagaan, pendidikan dan keagamaan. Sebaliknya, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih rendah berjumlah RM9 bilion disebabkan oleh terimaan dan bayaran yang lebih kecil selari dengan aktiviti ekonomi global yang lebih perlakan.

Defisit yang mengelir berjumlah RM62.9 bilion diunjur dalam akaun pendapatan primer disumbangkan oleh terimaan secara marginal dalam pendapatan pelaburan walaupun bayaran lebih rendah oleh pelabur asing sejarah dengan kelembapan ekonomi global. Selain itu, penerimagaunaan yang pantas dalam digitalisasi dan automasi dijangka meningkatkan pampasan untuk profesional asing seterusnya menyumbang kepada defisit lebih besar. Akaun pendapatan sekunder dijangka mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi berjumlah RM25.8 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam bayaran *one-off* dan kiriman wang keluar oleh pekerja asing.

Harga

Inflasi kekal terkawal

Kadar inflasi dijangka mencatat antara 2.8% – 3.8% pada 2023 berikutan prospek ekonomi yang lebih perlakan serta harga komoditi yang lebih stabil. Walau bagaimanapun, tinjauan inflasi juga akan dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran mata wang asing serta gangguan bekalan berterusan. Secara empirikal, perubahan bagi satu mata peratusan untuk kadar pertukaran mata wang asing dan harga minyak mentah akan menyebabkan impak 0.337 dan 0.112 mata peratusan terhadap inflasi¹. Sementara itu, IHPR dijangka menyederhana disumbangkan oleh kos input global yang stabil.

Pasaran Buruh

Momentum pemulihan yang berterusan

Momentum pemulihan pasaran buruh dijangka berterusan selaras dengan jangkaan trend pertumbuhan ekonomi yang kekal menggalakkan pada 2023. Pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi dan keperluan lebih ramai pekerja bagi menyokong permintaan domestik yang tinggi akan mendorong kepada peningkatan permintaan buruh. Penerusan dasar yang akomodatif untuk memudah cara penyediaan pekerja yang mencukupi bagi menyokong aktiviti perniagaan khususnya dalam industri berintensif buruh akan menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya dalam kalangan belia. Justeru, jumlah guna tenaga dijangka terus meningkat sebanyak 1.7% kepada 15.6 juta orang dengan lebih 80% peluang guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sehubungan itu, pengangguran diunjur terus berkurang kepada 3.5% – 3.7%. Usaha berterusan untuk menarik pelaburan berkualiti dan mempercepat digitalisasi juga akan membolehkan pewujudan lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi dan berproduktiviti tinggi dalam ekonomi. Langkah tersebut akan menyumbang kepada prospek pendapatan yang lebih baik kepada tenaga kerja dan peningkatan pampasan pekerja secara keseluruhan.

JADUAL 1.5. Penduduk Bekerja mengikut Sektor

	BAHAGIAN (%)	
	2022 ²	2023 ³
Pertanian, perhutanan dan perikanan	9.1	10.0
Perlombongan dan pengkuarian	0.3	0.5
Pembuatan	17.0	16.6
Pembinaan	7.5	7.6
Perkhidmatan	66.0	65.3
Jumlah¹	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

² Merujuk kepada S4 2022

³ Unjurian

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

¹ Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). Penentu Inflasi di Malaysia. Tinjauan Ekonomi 2019, 75-77

Kesimpulan

Ekonomi global mencatat pertumbuhan sederhana pada 2022 dan dijangka perlakan pada 2023. Pertumbuhan sederhana ini disebabkan oleh cabaran yang mungkin dihadapi akibat gangguan rantaian bekalan yang berpanjangan, dasar monetari yang lebih ketat oleh bank pusat utama serta ketegangan geopolitik.

Sementara itu, ekonomi Malaysia mencatat prestasi memberangsangkan pada 2022 dan dijangka menghadapi prospek pertumbuhan sederhana pada 2023. Unjuran ini disokong oleh permintaan domestik yang stabil terutamanya daripada perbelanjaan isi rumah sejajar dengan pemulihan pasaran buruh. Tambahan pula, sumbangan sektor

berkaitan pelancongan dijangka bertambah baik berikutan ketibaan jumlah pelancong yang lebih tinggi. Penyegearan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi, pertumbuhan kukuh dalam pelaburan swasta dan permintaan luar yang berterusan terutamanya daripada rakan dagang utama akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Melangkah ke hadapan, usaha akan dipergiat untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama. Pelbagai langkah akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan dan memperkuuh potensi ekonomi supaya Malaysia menjadi lebih berdaya saing, mampu dan inklusif. Kerajaan akan terus menyediakan sokongan dasar kitaran balas serta mempercepat pembaharuan struktural untuk memperkuuh prospek pertumbuhan dan daya tahan negara.

Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2023a, Februari 8). *Monthly Highlights & Statistics in December 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/monthly-highlights-statistics-in-december-2022>
- Bank Negara Malaysia. (2023b, Januari 9). *Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia pada 30 Disember 2022*. <https://www.bnm.gov.my/-/international-reserves-of-bank-negara-malaysia-as-at-30-december-2022>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023a). *Imbangan Pembayaran suku tahunan: Suku tahun keempat 2022*. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?contentId=174486&actionMethod=ep%2FepFreeDownloadContentSearch.xhtml%3AcontentAction.doDisplayContent&cid=1756>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023b, Januari 30). *Indeks Harga Pengeluar Malaysia Disember 2022*. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=107&bul_id=aVY1akJBMXjtU2hEMmRua3dMV1pIUT09&menu_id=bThzTHQxN1ZqMVF6a2I4RkZoNDFkQT09
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023c, Januari 20). *Indeks Harga Pengguna Malaysia Disember 2022*. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=106&bul_id=MWsxc25MWVgyK3JrTjdqU1VRTXpIUT09&menu_id=bThzTHQxN1ZqMVF6a2I4RkZoNDFkQT09
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023d). *Laporan survei tenaga buruh suku tahun keempat 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023e). *Monthly External Trade Statistics, December 2022*. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?contentId=174566&actionMethod=ep%2FepFreeDownloadContentSearch.xhtml%3AcontentAction.doDisplayContent&cid=1788>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023f). *Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan: Suku tahun keempat 2022*. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?contentId=174408&actionMethod=ep%2FepFreeDownloadContentSearch.xhtml%3AcontentAction.doDisplayContent&cid=2675>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023g). *Statistik guna tenaga: Suku tahun keempat 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Statistik siri masa survei tenaga buruh (PTB) mengikut negeri, 1982-2021*.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). *Penentu inflasi di Malaysia*. Tinjauan Ekonomi 2019, 75-77.
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2020). *Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021 -2025)*.
- Malaysia External Trade Development Corporation. (2022). *Monthly Malaysia External Trade Statistics*. <https://www.matrade.gov.my/en/about-matrade/28-malaysian-exporters/trade-statistics/72-malaysias-trade-statistics>
- Malaysian Investment Development Authority. (2022). *Pelaburan swasta yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi, Januari-September 2022 / Januari-September 2021 / Januari-Disember 2021*. <https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2022/12/APPROVED-PRIVATE-INVESTMENTS-INV-VARIOUS-ECONOMIC-SECTORS-JANUARY-SEPTEMBER-2022.pdf>
- Persatuan Automotif Malaysia. (2023). *Market review 2022*. http://www.maa.org.my/pdf/2022/Market_Review_2022.pdf
- Pertubuhan Keselamatan Sosial. (2022). *Popular statistics*. <https://eiscentre.perkeso.gov.my/popular-statistics-download>

SEKSYEN 2

Dasar Fiskal

**25 PERSPEKTIF KESELURUHAN
KEDUDUKAN FISKAL 2022
KEDUDUKAN FISKAL 2023**

**27 PRESTASI 2022
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN
PERBELANJAAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
KUMPULAN WANG COVID-19**

**33 TINJAUAN TERKINI 2023
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN
PERBELANJAAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

**36 RANGKA KERJA FISKAL JANGKA
SEDERHANA 2023 – 2025**

36 KESIMPULAN

SEKSYEN 2

Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal telah memainkan peranan penting dalam menyokong momentum pemulihan dan meringankan beban rakyat di samping mengekalkan disiplin fiskal. Langkah kitaran balas yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah membolehkan negara pulih daripada kemelesetan ekonomi disebabkan pandemik COVID-19. Walaupun ekonomi menunjukkan momentum pemulihan, kelembapan ekonomi global dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan dijangka mempengaruhi kedudukan fiskal dan hutang Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan komited untuk meneruskan pengurusan kewangan awam yang berhemat dan berdisiplin bagi memastikan kemampunan fiskal jangka masa panjang.

Pada 10 Oktober 2022, Parlimen telah dibubarkan sebelum Belanjawan 2023 diluluskan. Susulan itu, Kerajaan perlu membentangkan perbelanjaan bagi sebahagian tahun 2023 sebelum permulaan tahun tersebut seperti yang termaktub dalam Perkara 102(a), Perlembagaan Persekutuan 1957. Pada 21 Disember 2022, Parlimen telah meluluskan Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 untuk membolehkan sebahagian perbelanjaan mengurus bagi 2023 berjumlah RM107.7 bilion dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan sehingga Belanjawan 2023 diluluskan. Selain itu, sejumlah RM56 bilion peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan juga telah diluluskan oleh Parlimen. Justeru, pembentangan semula Belanjawan 2023 dijadualkan pada 24 Februari 2023.

Pendirian dasar fiskal kekal menyokong pertumbuhan ekonomi walaupun berlaku perubahan Kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15. Dalam usaha mengukuhkan kewangan awam dan membina semula ruang fiskal, Kerajaan komited untuk meneruskan pelan konsolidasi fiskal, meningkatkan disiplin fiskal dan memastikan kemampunan hutang. Oleh itu, usaha akan ditingkatkan bagi mengurangkan ketirisan perbelanjaan dan pembaziran, menggunakan rangka kerja subsidi lebih bersasar dan merapatkan jurang antara wilayah; meningkatkan mobilisasi hasil, meluaskan asas dan menambah baik insentif cukai; dan memperkuuh tadbir urus, meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti fiskal. Selain itu, isu kenaikan kos sara hidup terutamanya melibatkan golongan rentan mendorong Kerajaan untuk mengekalkan magnitud Belanjawan dan sebahagiannya untuk terus menyokong pemulihan. Di samping itu, mekanisme subsidi yang lebih berkesan dan bersasar akan dilaksanakan melibatkan barang dan perkhidmatan penting terpilih.

Kedudukan Fiskal 2022

Peralihan kepada fasa endemik menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan pada 2022. Berikutnya itu, kutipan hasil meningkat secara mendadak disumbangkan oleh perkembangan ekonomi yang kukuh dan harga minyak mentah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, hasil yang lebih tinggi digunakan terutamanya bagi mengurangkan impak perbelanjaan tambahan untuk subsidi bahan api dan elektrik.

Hasil melonjak kepada RM294.4 bilion atau 16.5% daripada KDNK manakala jumlah perbelanjaan merekodkan RM395.2 bilion atau 22.1% daripada KDNK. Perbelanjaan mengurus (OE) meningkat sebanyak 25.4% kepada RM292.7 bilion berbanding anggaran belanjawan terutamanya disebabkan keperluan subsidi dan bantuan sosial yang lebih tinggi. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan (DE) menyusut secara sederhana sebanyak 5.3% berbanding anggaran belanjawan kepada RM71.6 bilion berikutan penyusunan semula keutamaan dan status kemajuan pelaksanaan program dan projek. Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) mencatatkan RM31 bilion, lebih tinggi daripada anggaran belanjawan sebanyak RM23 bilion berikutan peningkatan sokongan bantuan sosial kepada kumpulan rentan dan diskau bil elektrik. Selain itu, Kerajaan telah mengumumkan lapan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM530 bilion bagi tempoh 2020 hingga 2022 melibatkan suntikan fiskal sebanyak RM92.5 bilion di bawah KWC-19.

Secara keseluruhan, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan bagi 2022 berkurang kepada 5.6% daripada KDNK iaitu lebih rendah daripada anggaran 6%. Selain itu, defisit baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang mencatatkan 3.3% daripada KDNK.

JADUAL 2.1. Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan COVID-19

PAKEJ	JUMLAH NILAI		SUNTIKAN FISKAL LANGSUNG	
	RM BILION	% KDNK	RM BILION	% KDNK
PRIHATIN	250.0	17.6	26.3	1.9
PRIHATIN PKS+	10.0	0.7	10.0	0.7
PENJANA	35.0	2.5	14.7	1.0
KITA PRIHATIN	10.0	0.7	10.0	0.7
PERMAI	15.0	1.0	10.9	0.7
PEMERKASA	20.0	1.3	8.2	0.5
PEMERKASA+	40.0	2.6	6.0	0.4
PEMULIH	150.0	9.7	6.4	0.4
Jumlah	530.0	36.1	92.5	6.3

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kedudukan Fiskal 2023

Dasar fiskal kekal responsif dalam menangani sebarang risiko terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat berikutan ketidaktentuan aktiviti ekonomi global. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu mengimbangi antara keperluan untuk mempercepat momentum pertumbuhan dan mengawal tekanan inflasi dengan meneruskan pengurusan fiskal yang berhemat. Oleh itu, selaras dengan aspirasi MADANI¹, sumber fiskal disalurkan ke arah memperkuuh jaringan keselamatan sosial rakyat, menambah baik infrastruktur pendidikan dan pembelajaran, memperkuuh sektor kesihatan, memastikan keterjaminan makanan, meningkatkan aktiviti pelaburan yang memberi impak serta menggalakkan digitalisasi dan kesalinghubungan.

Hasil dijangka lebih rendah iaitu RM291.5 bilion atau 15.4% daripada KDNK selari dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dan jangkaan harga komoditi yang lebih sederhana. Jumlah perbelanjaan dianggar berkurang secara marginal kepada RM386.1 bilion atau 20.4% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh penamatkan KWC-19 dan langkah mengoptimum perbelanjaan. Peruntukan OE dianggar berkurang kepada RM289.1 bilion terutamanya disebabkan subsidi yang lebih rendah berikutan jangkaan harga minyak mentah yang sederhana dan langkah berperingkat ke arah mekanisme pemberian subsidi yang lebih bersasar. Selain itu, peruntukan DE dianggar meningkat dengan ketara kepada RM97 bilion melibatkan program dan projek di bawah RMKe-12 seperti pembinaan lebuh raya dan infrastruktur pengangkutan awam, kemudahan perubatan serta institusi pendidikan. Selain itu, sejumlah USD3 bilion disediakan untuk penebusan bon 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka terus menyusut kepada 5% daripada KDNK. Defisit baki primer pula dianggar terus berkurang kepada 2.5% daripada KDNK. Kerajaan komited untuk meneruskan pelan konsolidasi fiskal berpandukan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) bagi memastikan kemampuan kewangan awam.

¹ Usaha mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia berteraskan enam rukun iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan (siaran media Pejabat Perdana Menteri bertarikh 19 Januari 2023).

JADUAL 2.2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan,
2021 – 2023

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2021	2022 ³	2023 ⁴	2021	2022 ³	2023 ⁴	2021	2022 ³	2023 ⁴
Hasil	233,752	294,357	291,500	3.9	25.9	-1.0	15.1	16.5	15.4
Perbelanjaan mengurus	231,516	292,693	289,140	3.1	26.4	-1.2	15.0	16.4	15.3
Baki semasa	2,236	1,664	2,360	-	-	-	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	64,257	71,574	97,000	25.1	11.4	35.5	4.2	4.0	5.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	992	1,407	700	-21.2	41.8	-50.2	0.1	0.0	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	63,265	70,167	96,300	26.3	10.9	37.2	4.1	4.0	5.1
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	37,711	30,979	-	-0.8	-17.9	-	2.4	1.7	-
Baki keseluruhan	-98,740	-99,482	-93,940	-	-	-	-6.4	-5.6	-5.0
Baki primer²	-60,671	-58,213	-47,840	-	-	-	-3.9	-3.3	-2.5

¹ Kumpulan wang amanah khusus yang ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

² Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

³ Awalan

⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Prestasi 2022

Hasil Kerajaan Persekutuan

Hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan RM294.4 bilion pada 2022 iaitu peningkatan ketara sebanyak 25.9%. Peningkatan ini disumbang oleh kutipan cukai yang lebih baik daripada jangkaan dan hasil bukan cukai yang lebih tinggi didorong oleh pemulihan ekonomi dan harga komoditi yang kukuh. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama kepada keseluruhan kutipan hasil merangkumi 70.9% daripada jumlah hasil atau 11.7% daripada KDNK manakala hasil bukan cukai sebanyak 29.1% (4.8% daripada KDNK).

Hasil cukai meningkat sebanyak 20.2% kepada RM208.8 bilion dengan bahagian cukai langsung merangkumi 73.5% dan cukai tidak langsung sebanyak 26.5%. Cukai langsung melonjak sebanyak 18% kepada RM153.5 bilion disumbangkan terutamanya oleh cukai pendapatan syarikat (CITA) dan

cukai pendapatan petroleum (PITA) yang lebih tinggi. Kutipan CITA meningkat sebanyak 2.9% kepada RM82.1 bilion berikutan keuntungan korporat yang lebih baik dan prestasi ekonomi yang kukuh. Selain itu, kutipan CITA yang lebih tinggi juga diperoleh daripada Cukai Makmur yang menyumbang sekitar RM7 bilion. Cukai Makmur merupakan langkah percukaian 'one-off' ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai lebih RM100 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2022. Kutipan PITA meningkat dengan ketara sebanyak 102.4% kepada RM23.4 bilion selaras dengan purata harga minyak mentah dunia yang melonjak tinggi pada USD100 setong (2021: USD71 setong) dan pengukuhan dolar AS. Sementara itu, kutipan duti setem mencatat RM8 bilion dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) RM1.4 bilion, menggambarkan keuntungan yang lebih tinggi daripada transaksi pasaran harta tanah.

Kutipan cukai tidak langsung melonjak sebanyak 26.8% kepada RM55.3 bilion disumbang oleh kutipan Cukai Jualan dan

JADUAL 2.3. Hasil Kerajaan Persekutuan,
2021 – 2023

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Hasil cukai	173,704	208,765	218,270	12.5	20.2	4.6	74.3	70.9	74.9
Cukai langsung	130,116	153,476	164,140	15.6	18.0	6.9	55.7	52.1	56.3
<i>antaranya:</i>									
CITA	79,829	82,133	96,446	59.5	2.9	17.4	34.2	27.9	33.1
Individu	27,051	33,776	35,290	-30.6	24.9	4.5	11.6	11.5	12.1
PITA	11,570	23,421	18,242	-9.4	102.4	-22.1	4.9	8.0	6.3
Cukai tidak langsung	43,588	55,289	54,130	4.1	26.8	-2.1	18.6	18.8	18.6
<i>antaranya:</i>									
SST	25,616	31,368	33,340	-4.3	22.5	6.3	11.0	10.7	11.4
Duti eksais	10,241	12,556	12,425	3.9	22.6	-1.0	4.4	4.3	4.3
Duti import	2,645	3,192	3,168	12.7	20.7	-0.8	1.1	1.1	1.1
Duti eksport	2,057	2,622	1,534	175.7	27.5	-41.5	0.9	0.9	0.5
Hasil bukan cukai	60,048	85,592	73,230	-15.0	42.5	-14.4	25.7	29.1	25.1
<i>antaranya:</i>									
Lesen dan permit	10,578	15,626	14,178	-3.2	47.7	-9.3	4.5	5.3	4.9
Pendapatan pelaburan	35,018	58,223	47,930	-24.0	66.3	-17.7	15.0	19.8	16.4
Jumlah hasil	233,752	294,357	291,500	3.9	25.9	-1.0	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	15.1	16.5	15.4						

¹ Awalan² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Cukai Perkhidmatan (SST) yang lebih tinggi berjumlah RM31.4 bilion. Daripada jumlah ini, RM16.3 bilion merupakan cukai jualan berikutan permintaan yang lebih kukuh ke atas kenderaan serta mesin dan alat ganti. Cukai perkhidmatan pula meningkat sebanyak 25.7% kepada RM15.1 bilion terutamanya disumbangkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi sektor makanan dan minuman diikuti sektor telekomunikasi dan insurans. Kutipan duti eksais melonjak sebanyak 22.6% kepada RM12.6 bilion berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk kenderaan penumpang hasil daripada lanjutan pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang yang berkuat kuasa sehingga separuh pertama 2022. Duti eksport mencatatkan RM2.6 bilion disebabkan oleh harga minyak mentah dan jumlah eksport yang lebih tinggi sejajar dengan peningkatan permintaan global.

Sementara itu, hasil bukan cukai meningkat ketara sebanyak 42.5% kepada RM85.6 bilion, disumbangkan sebahagian besarnya oleh dividen PETRONAS yang lebih tinggi berjumlah RM50 bilion. Kerajaan juga menerima dividen sebanyak RM5 bilion daripada Bank Negara Malaysia (BNM) manakala sumbangan daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] berjumlah RM3 bilion untuk membayai sebahagian bayaran persaraan. Selain itu, kutipan daripada lesen dan permit mencatatkan RM15.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak 47.7% terutamanya disumbangkan oleh terimaan yang lebih tinggi daripada royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing.

Hasil berkaitan petroleum pada 2022 mencatatkan RM82.4 bilion, termasuk dividen tambahan PETRONAS sebanyak RM25 bilion.

Jumlah hasil berkaitan petroleum sebagai peratusan kepada KDNK meningkat kepada 4.6% selaras dengan purata harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi, meliputi 28% daripada jumlah hasil. Hasil bukan petroleum meningkat 11.2% kepada RM211.9 bilion didorong oleh pendapatan korporat yang lebih baik seterusnya menyumbang kepada peningkatan ansuran cukai, penggunaan dalam sektor perkhidmatan yang lebih tinggi dan langkah percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan 2022. Hasil bukan petroleum merangkumi 72% daripada jumlah hasil atau sekitar 12% daripada KDNK, menggambarkan usaha berterusan bagi mempelbagaikan sumber cukai, meluaskan asas cukai, menerima guna digitalisasi dan teknologi bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan termasuk KWC-19 meningkat sebanyak 18.5% kepada RM395.2 bilion berbanding RM333.5 bilion pada 2021 atau 19% lebih tinggi berbanding belanjawan asal berjumlah RM332.1 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh perbelanjaan subsidi yang bertambah dengan ketara. Daripada keseluruhan perbelanjaan, OE menyumbang sebanyak 74.1%, DE sebanyak 18.1% dan KWC-19 pula sebanyak 7.8%.

Dari segi jumlah perbelanjaan mengikut sektor, sektor sosial kekal sebagai penerima terbesar sebanyak 37.3% diikuti sektor ekonomi (16.5%), keselamatan (8.7%) dan pentadbiran am (4.4%) manakala baki 33.1% merupakan perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan termasuk bayaran khidmat hutang (DSC), bayaran persaraan, subsidi dan bantuan sosial serta pindahan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kepada kerajaan negeri. Perbelanjaan bagi sektor sosial disalurkan terutamanya kepada

subsektor pendidikan dan latihan, kesihatan serta perumahan. Sementara itu, sebahagian besar perbelanjaan di bawah sektor ekonomi adalah untuk pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar serta program berkaitan perdagangan dan perindustrian.

Jumlah OE meningkat sebanyak 26.4% kepada RM292.7 bilion terutamanya disebabkan oleh lonjakan ketara subsidi bahan api, elektrik dan minyak masak bagi mengimbangi kesan peningkatan harga komoditi global. Emolumen berjumlah RM87.8 bilion kekal sebagai komponen terbesar mewakili 30% daripada OE manakala bayaran persaraan sebanyak RM31.4 bilion termasuk RM3 bilion dibiayai melalui sumbangan daripada KWAP.

Perbelanjaan OE bagi subsidi dan bantuan sosial meningkat ketara kepada RM67.4 bilion disebabkan oleh perbelanjaan luar biasa untuk subsidi bahan api berikutan peningkatan harga minyak mentah global pada purata USD100 setong. Walau bagaimanapun, kutipan hasil lebih tinggi daripada jangkaan serta pelaksanaan rasionalisasi perbelanjaan dan pengagihan semula peruntukan mengikut keutamaan telah menampung sebahagian beban perbelanjaan subsidi bahan api tersebut.

Perbelanjaan bagi DSC pula meningkat sebanyak 8.4% kepada RM41.3 bilion merangkumi 14.1% daripada OE berikutan pinjaman lebih tinggi untuk membiayai DE dan KWC-19. Sebagai peratusan kepada KDNK pula, nisbah DSC berkurang kepada 2.3% berbanding 2.5% pada 2021. Kerajaan perlu mendahuluikan pembayaran DSC sebelum perbelanjaan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan meningkat sebanyak 39.2% kepada RM34.7 bilion disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih tinggi untuk bekalan bahan, perkhidmatan profesional, tuntutan perjalanan, pajakan dan sewaan serta penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur.

JADUAL 2.4. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen, 2021 – 2023

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Emolumen	85,854	87,789	90,765	3.4	2.3	3.4	37.1	30.0	31.4
Bayaran persaraan	29,095	31,397	31,079	5.7	7.9	-1.0	12.6	10.7	10.7
Bayaran khidmat hutang	38,069	41,269	46,100	10.4	8.4	11.7	16.4	14.1	15.9
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	7,547	8,122	8,077	-1.6	7.6	-0.6	3.3	2.8	2.8
Perkhidmatan dan bekalan	24,924	34,692	32,037	-15.0	39.2	-7.7	10.8	11.9	11.1
Subsidi dan bantuan sosial	23,041	67,358	58,645	16.6	192.3	-12.9	10.0	23.0	20.3
Pembelian aset	596	767	911	-5.7	28.7	18.8	0.3	0.3	0.3
Bayaran balik dan hapus kira	482	549	459	-26.3	13.8	-16.3	0.2	0.2	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	13,391	14,014	15,127	27.2	4.7	7.9	5.8	4.8	5.2
Lain-lain	8,517	6,736	5,940	-22.6	-20.9	-11.8	3.5	2.2	2.1
Jumlah	231,516	292,693	289,140	3.1	26.4	-1.2	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	15.0	16.4	15.3						

¹ Awalan² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pemberian kepada badan berkanun yang sebahagian besarnya untuk perbelanjaan operasi termasuk emolumen serta perkhidmatan dan bekalan, meningkat sebanyak 4.7% kepada RM14 bilion. Institusi pengajian tinggi awam kekal sebagai penerima terbesar merangkumi kira-kira 60% daripada jumlah geran. Sementara itu, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri meningkat sebanyak 7.6% kepada RM8.1 bilion dengan RM6.2 bilion merupakan pemberian yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti geran mengikut bilangan penduduk dan geran penyelenggaraan jalan raya.

Perbelanjaan DE meningkat sebanyak 11.4% kepada RM71.6 bilion pada 2022 khususnya bagi menyokong pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dan memudah cara agenda pembangunan RMKe-12. Sektor ekonomi kekal sebagai

penerima terbesar sebanyak 54.6% diikuti sektor sosial (29.5%), keselamatan (11.5%) dan pentadbiran am (4.4%).

Perbelanjaan sektor ekonomi meningkat sebanyak 25% kepada RM39.1 bilion dengan pengangkutan; tenaga dan kemudahan awam; serta pertanian merupakan tiga subsektor terbesar merangkumi 30% daripada keseluruhan DE. Daripada jumlah ini, sebanyak RM16.6 bilion dibelanjakan bagi subsektor pengangkutan terutamanya bagi membiayai pembangunan infrastruktur baharu dan menaik taraf jalan raya, landasan kereta api dan lapangan terbang sedia ada. Obligasi kewangan susulan pelaksanaan projek strategik seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pulau Pinang turut dikategorikan di bawah sektor ini.

Perbelanjaan bagi subsektor tenaga dan kemudahan awam berjumlah RM2.4 bilion antaranya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf loji rawatan kumbahan dan paip pembetungan, loji rawatan air serta projek bekalan air dan elektrik luar bandar di seluruh negara. Sementara itu, perbelanjaan subsektor pertanian kekal pada RM2.5 bilion terutamanya untuk program penanaman semula kelapa sawit serta menambah baik sistem pengairan dan penanaman padi.

Perbelanjaan sektor sosial merekod RM21.1 bilion dengan subsektor pendidikan dan latihan, kesihatan serta perumahan menerima peruntukan tertinggi. Perbelanjaan subsektor pendidikan dan latihan sebanyak RM10 bilion sebahagian besarnya adalah untuk membina, menaik taraf dan mengubah suai sekolah dan institusi pengajian tinggi, meningkatkan program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) serta menyediakan program profesional dan

kemahiran. Perbelanjaan subsektor kesihatan mencatatkan RM4.4 bilion terutamanya bagi membina, menaik taraf, mengubah suai dan membaiki kemudahan kesihatan. Perbelanjaan untuk subsektor ini lebih rendah berbanding 2021 terutamanya disebabkan oleh pengklasifikasi semula bekalan ubat sebagai perbelanjaan operasi. Perbelanjaan bagi subsektor perumahan pula adalah sebanyak RM1.7 bilion untuk pembinaan rumah mampu milik melalui Program Perumahan Rakyat (PPR).

Perbelanjaan sektor keselamatan meningkat sebanyak 9.5% kepada RM8.2 bilion khususnya untuk perolehan dan penambahbaikan kelengkapan ketenteraan dan keselamatan dalam negeri serta pembinaan pejabat, kuarters dan kem yang sedang dilaksanakan. Selain itu, perbelanjaan sektor pentadbiran am meningkat sebanyak 8.6% kepada RM3.1 bilion terutamanya bagi pembangunan sistem rangkaian komunikasi serta menaik taraf dan membaik pulih kemudahan dan bangunan Kerajaan.

JADUAL 2.5. Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor, 2021 – 2023

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²	2021	2022 ¹	2023 ²
Ekonomi	31,284	39,115	55,035	9.0	25.0	40.7	48.7	54.6	56.7
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	12,988	16,560	17,565	1.6	27.5	6.1	20.2	23.1	18.1
Perdagangan dan perindustrian	1,756	2,308	2,749	-31.8	31.4	19.1	2.7	3.2	2.8
Tenaga dan kemudahan awam	2,115	2,359	3,240	-8.6	11.6	37.4	3.3	3.3	3.3
Pertanian	2,463	2,548	3,261	23.0	3.4	28.0	3.8	3.6	3.4
Alam sekitar	1,310	1,736	2,673	-1.1	32.5	54.0	2.0	2.4	2.8
Sosial	22,603	21,132	26,546	63.5	-6.5	25.6	35.2	29.5	27.4
<i>antaranya:</i>									
Pendidikan dan latihan	8,230	10,029	13,557	22.2	21.9	35.2	12.8	14.0	14.0
Kesihatan	8,719	4,412	4,916	118.9	-49.4	11.4	13.6	6.2	5.1
Perumahan	1,360	1,653	2,114	34.0	21.5	27.9	2.1	2.3	2.2
Keselamatan	7,498	8,210	11,518	29.6	9.5	40.3	11.7	11.5	11.9
Pentadbiran am	2,872	3,117	3,901	-5.4	8.6	25.1	4.4	4.4	4.0
Jumlah	64,257	71,574	97,000	25.1	11.4	35.5	100.0	100.0	100.0
% daripada KDNK	4.2	4.0	5.1						

¹ Awalan

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kumpulan Wang COVID-19

Sehingga akhir 2022, perbelanjaan keseluruhan KWC-19 mencatatkan RM106.7 bilion atau 97% daripada keseluruhan had siling berjumlah RM110 bilion dengan RM31 bilion dibelanjakan

pada 2022. Sebahagian besar peruntukan disalurkan untuk program bantuan tunai (RM40 bilion); subsidi upah (RM24.3 bilion); dan perbelanjaan berkaitan COVID-19 untuk menaik taraf peralatan dan menambah kapasiti katil di unit rawatan rapi hospital

JADUAL 2.6. *Kumpulan Wang COVID-19, 2020 – 2022*

BIL.	PROGRAM	RM JUTA	
		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN ¹
1	Program subsidi upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan	24,275	24,256
2	Bantuan Prihatin Nasional	40,060	39,960
3	Projek berskala kecil	6,200	6,010
4	Program kemahiran dan peningkatan kemahiran	1,500	1,229
5	Pembangunan PKS PENJANA	180	180
6	Geran PRIHATIN PKS	6,000	5,991
7	Pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional	1,410	1,281
8	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19	6,110	5,325
9	Dana jaminan makanan	660	579
10	Elaun khas COVID-19 bagi barisan hadapan	-	-
11	Dana PENJANA Nasional	600	600
12	ePenjana	821	714
13	Diskaun bil elektrik	6,590	6,543
14	Tambahan RM100 untuk Bantuan Sara Hidup	-	-
15	Bantuan khas untuk pelajar institusi pengajian tinggi	225	225
16	Pembangunan Mudah Bumiputera	200	200
17	Subsidi pengangkutan awam MY30	400	291
18	Bantuan khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca dan pemandu e-hailing	180	167
19	Sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas	12,795	11,951
20	Geran automasi pintar	514	404
21	Pinjaman mudah di bawah MyCreative Venture	100	63
22	Perlindungan sosial dan latihan untuk pekerja ekonomi gig	75	31
23	Kempen e-Dagang bagi PKS dan perusahaan mikro	350	263
24	"Shop Malaysia Online" bagi perbelanjaan dalam talian	350	142
25	Sokongan penjagaan kesihatan PEKA B40	50	50
26	Geran bagi pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika	65	63
27	Dana kandungan digital	100	73
28	Bantuan untuk pertubuhan bukan kerajaan	125	65
29	Pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan	40	30
30	Dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA)	20	18
31	Pusat Sehenti PKS MyAssist	5	5
JUMLAH		110,000²	106,709

¹ Awalan (sehingga Disember 2022)

² Tambahan subsidi bahan api dan elektrik tidak termasuk dalam pakej rangsangan dan pemulihan yang diumumkan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

serta perolehan kit ujian, reagen, ubat dan pensanitasi (RM5.3 bilion). Kerajaan juga telah menyusun semula keutamaan dana sedia ada KWC-19 bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan subsidi iaitu sebanyak RM6.3 bilion bagi bahan api dan RM5.9 bilion bagi elektrik untuk mengimbangi impak peningkatan harga barang serta sebagai sokongan berterusan kepada golongan rentan.

Tinjauan Terkini 2023

Hasil Kerajaan Persekutuan

Kerajaan komited dalam meluaskan asas hasil bagi memperoleh kutipan hasil yang mampan dalam jangka masa sederhana dan panjang ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi dan maju. Selain itu, pelbagai inisiatif akan diberi keutamaan antaranya penguatkuasaan bagi meminimumkan ketirisan cukai, meningkatkan pematuhan cukai dan pengauditan berkesan.

Berikutnya hasil bukan cukai yang dianggarkan berkurang pada 2023 susulan harga minyak mentah dunia yang lebih rendah, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang secara marginal sebanyak 1% kepada RM291.5 bilion. Walau bagaimanapun, hasil bukan cukai yang lebih rendah ditampung oleh peningkatan hasil cukai yang dijangka mencatat RM218.3 bilion. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Persekutuan dengan peratusan kepada KDNK kekal sekitar 12% manakala hasil bukan cukai sebanyak 4%.

Kutipan cukai langsung dianggar meningkat sebanyak 6.9% kepada RM164.1 bilion, meliputi 75.2% daripada jumlah hasil cukai. Sebahagian besar peningkatan ini disumbangkan oleh kutipan CITA yang lebih besar iaitu RM96.4 bilion dan cukai pendapatan individu RM35.3 bilion. Kutipan CITA yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya oleh prospek pendapatan korporat yang lebih baik dan usaha berterusan dalam meningkatkan pengauditan dan pematuhan cukai. Pada masa

yang sama, Kerajaan dijangka menerima baki cukai daripada Cukai Makmur bagi tahun taksiran 2022. Sementara itu, hasil daripada cukai langsung lain yang merangkumi duti setem, CKHT dan cukai lain dijangka meningkat secara marginal 0.1% kepada RM10.2 bilion. Peningkatan duti setem kepada RM8.1 bilion dan CKHT RM1.9 bilion adalah selaras dengan jangkaan pasaran harta tanah yang stabil.

Cukai tidak langsung dijangka berkurang sebanyak 2.1% kepada RM54.1 bilion berikutan kutipan Ievi keuntungan luar biasa ke atas MSM yang lebih rendah disebabkan oleh purata harga MSM yang dijunur lebih rendah pada 2023. Levi keuntungan luar biasa dikutip daripada pengeluar minyak sawit berdasarkan pengeluaran tandan buah segar. Walau bagaimanapun, kutipan SST dijangka lebih baik berjumlah RM33.3 bilion atau 1.8% daripada KDNK. Kutipan cukai jualan dijunur meningkat sebanyak 5.6% kepada RM17.2 bilion, didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi ke atas barang buatan plastik dan elektrik, pakaian serta mesin dan alat ganti. Cukai perkhidmatan dianggar berjumlah RM16.2 bilion, disumbangkan sebahagian besarnya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi sektor makanan dan minuman diikuti sektor telekomunikasi dan insurans. Duti eksais pada 2023 dijangka berkurang sebanyak 1% kepada RM12.4 bilion berikutan jangkaan Jumlah Volum Industri yang lebih rendah ke atas kenderaan bermotor selari dengan laporan oleh Persatuan Automotif Malaysia.

Hasil bukan cukai dijunur berkurang kepada RM73.2 bilion berikutan hasil pendapatan pelaburan yang lebih rendah terutamanya daripada dividen PETRONAS. Pada 2023, Kerajaan dijangka menerima dividen PETRONAS berjumlah RM40 bilion manakala dividen BNM dijangka lebih rendah pada RM2.75 bilion. Tambahan pula, sumbangan daripada KWAP dijangka kekal sebanyak RM3 bilion untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan. Sementara itu, kutipan lesen dan

permit dijangka berkurang 9.3% kepada RM14.2 bilion disebabkan oleh pengurangan royalti petroleum seiring dengan purata harga minyak mentah dunia yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, komponen utama lain bagi lesen dan permit seperti kenderaan bermotor dijangka meningkat kepada RM3 bilion manakala levi pekerja asing sebanyak RM3.5 bilion.

Hasil berkaitan petroleum pada 2023 dijangka berkurang sebanyak 20.9% kepada RM65.2 bilion selaras dengan purata harga minyak mentah dunia yang diunjur USD80 setong dan dividen PETRONAS yang lebih rendah. Peratusan hasil berkaitan petroleum kepada KDNK dianggar berkurang kepada 3.5%, merangkumi 22.4% daripada jumlah hasil. Sementara itu, hasil bukan petroleum diunjur meningkat sebanyak 6.8% kepada RM226.3 bilion sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk meluaskan asas hasil berserta langkah-langkah di bawah Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan pengauditan berterusan. Sebagai peratusan kepada KDNK, hasil bukan petroleum diunjur sebanyak 12% mencerminkan pengurangan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2023 dijangka berkurang sebanyak 2.3% kepada RM386.1 bilion terutamanya disebabkan oleh penamatian KWC-19 pada 31 Disember 2022. Daripada jumlah tersebut, 74.9% akan diperuntukkan untuk OE manakala 25.1% untuk DE. Dari segi peruntukan mengikut sektor, 35.2% daripada jumlah perbelanjaan diperuntukkan kepada sektor sosial diikuti oleh sektor ekonomi (19.1%), keselamatan (9.7%) dan pentadbiran am (5.1%). Sementara itu, baki sebanyak 30.9% diperuntukkan untuk perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan.

Peruntukan OE dianggar berkurang sebanyak 1.2% kepada RM289.1 bilion atau 15.3% daripada KDNK. Ini terutamanya disebabkan oleh peruntukan subsidi lebih rendah sejajar dengan jangkaan harga komoditi yang menyederhana dan pelaksanaan secara berperingkat mekanisme subsidi bersasar. Walau bagaimanapun, peruntukan emolumen, bayaran persaraan, DSC dan pemberian kepada badan berkanun dijangka kekal tinggi.

Emolumen dianggarkan meningkat 3.4% kepada RM90.8 bilion dan kekal sebagai komponen terbesar OE iaitu 31.4%. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan khas sebanyak RM100 di samping kenaikan gaji tahunan serta penyerapan pegawai kontrak ke jawatan tetap, terutamanya dalam sektor kesihatan dan pendidikan.

Bayaran persaraan diunjur kekal stabil pada RM31.1 bilion yang merangkumi 10.7% daripada jumlah OE. Daripada jumlah tersebut, RM23.9 bilion atau 76.9% merupakan bayaran pencen manakala bakinya adalah bayaran gratuity dan gantian cuti rehat terkumpul. Memandangkan Malaysia kini merupakan negara menua berdasarkan definisi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, liabiliti pencen dijangka terus meningkat. Sehubungan itu, Kerajaan sedang meneroka opsyen lain seperti skim bayaran persaraan bercarum (*defined contribution*) bagi menangani obligasi pencen pada masa hadapan dengan lebih cekap. Sementara itu, DSC dianggarkan berkembang sebanyak 11.7% kepada RM46.1 bilion atau 2.4% daripada KDNK berikutan pinjaman terkumpul yang semakin meningkat terutamanya dalam tempoh pandemik.

Perkhidmatan dan bekalan yang merangkumi 11.1% daripada OE dijangka menyusut sebanyak 7.7% kepada RM32 bilion. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh peruntukan perkhidmatan profesional yang lebih rendah. Nisbah peruntukan perkhidmatan

dan bekalan kepada KDNK pula dianggarkan sebanyak 1.7%. Sementara itu, peruntukan subsidi dan bantuan sosial dijangka berkurang sebanyak 12.9% kepada RM58.6 bilion berikutan jangkaan harga minyak mentah global lebih rendah serta sejajar dengan pelaksanaan secara berperingkat mekanisme subsidi bersasar. Selain itu, Kerajaan akan terus menyediakan bantuan tunai bagi meringankan beban kewangan golongan berpendapatan rendah.

Peruntukan geran kepada badan berkanun dijangka meningkat sebanyak 7.9% kepada RM15.1 bilion. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah bagi membiayai perbelanjaan operasi 20 universiti awam dan sembilan hospital pengajar. Sementara itu, sejumlah RM8.1 bilion diperuntukkan kepada kerajaan negeri dalam bentuk geran dan pindahan yang merangkumi pemberian sebanyak RM6.1 bilion seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tahun 2023 merupakan tempoh separuh penggal RMKe-12 yang mana kemajuan projek dan program dijangka semakin rancak. Sejumlah RM97 bilion diperuntukkan di bawah DE bagi melaksanakan projek pembangunan berkualiti yang memberi penekanan kepada pelaburan berimpak tinggi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga komited untuk memenuhi obligasi kewangan termasuk penebusan bon 1MDB bernilai USD3 bilion yang akan matang pada Mac 2023 serta komitmen kewangan berkaitan PPP/PFI yang lain.

Dari sudut peruntukan sektoral, sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar iaitu sebanyak 56.7% atau RM55 bilion. Subsektor pengangkutan menyumbang sebanyak 18.1% atau RM17.6 bilion terutamanya untuk pembinaan jalan dan lebuh raya serta menaik taraf jalan, lapangan terbang dan pelabuhan sedia ada. Komitmen kewangan bagi projek

pengangkutan strategik seperti LRT dan MRT akan terus disediakan. Subsektor tenaga dan kemudahan awam pula akan menerima RM3.2 bilion untuk menaik taraf kemudahan awam luar bandar serta penyediaan bekalan air bersih dan tenaga bersih mampu milik. Sebanyak RM3.3 bilion diperuntukkan untuk subsektor pertanian bagi menangani isu berhubung keterjaminan makanan negara yang semakin perlu diberi perhatian.

Perkhidmatan sosial merupakan sektor kedua terbesar yang menerima RM26.5 bilion atau 27.4% daripada jumlah DE. Separuh daripada peruntukan tersebut diagihkan untuk subsektor pendidikan dan latihan terutamanya bagi pembinaan dan menaik taraf sekolah, institusi latihan dan universiti. Subsektor kesihatan akan menerima RM4.9 bilion untuk membina, menaik taraf dan membaiki kemudahan kesihatan seperti menaik taraf Hospital Besar Melaka. Subsektor perumahan pula diperuntukkan sebanyak RM2.1 bilion bagi penyediaan rumah mampu milik seperti pembinaan PPR di Arau, Perlis; Marang, Terengganu; dan Machang, Kelantan.

Sejumlah RM11.5 bilion akan disalurkan untuk sektor keselamatan dengan RM6.4 bilion diperuntukkan kepada subsektor pertahanan manakala bakinya adalah untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Peruntukan berkenaan bertujuan untuk terus memperkuuh keselamatan negara termasuk membangunkan perkhidmatan rangkaian komunikasi bersepadu serta menambah baik aset ketenteraan dan keselamatan. Peruntukan ini juga untuk membina dan menaik taraf kem, balai polis, penjara dan kuarters. Sementara itu, sebanyak RM3.9 bilion akan diperuntukkan bagi sektor pentadbiran am terutamanya untuk menambah baik sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta membaik pulih, menaik taraf kelengkapan bangunan dan fasiliti kerajaan.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2023 – 2025

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2023 – 2025 dirangka berdasarkan andaian makroekonomi terkini, perkembangan ekonomi global dan perubahan harga komoditi. Rangka kerja ini telah disemak semula berasaskan andaian pertumbuhan KDNK benar pada purata 4.7%, harga minyak mentah pada paras USD80 setong dan pengeluaran minyak mentah yang stabil sebanyak 530,000 tong sehari. Tambahan pula, rangka kerja ini juga mengambil kira beberapa tindak balas dasar dan inisiatif pembaharuan bagi membina semula ruang fiskal dan mengukuhkan kewangan awam dalam jangka masa sederhana dan panjang. Unjuran ini termasuk langkah berperingkat bagi meningkatkan mobilisasi hasil serta mengurangkan ketirisan perbelanjaan dan peralihan kepada mekanisme subsidi lebih bersasar.

Hasil diunjur sebanyak RM908.5 bilion atau 15.1% daripada KDNK terutamanya disumbangkan oleh hasil bukan petroleum yang dianggarkan berjumlah RM734.5 bilion atau 12.2% daripada KDNK. Hasil berkaitan petroleum diunjur berjumlah RM174 bilion atau 2.9% daripada KDNK. Selain itu, jumlah siling indikatif perbelanjaan bagi tempoh tiga tahun dianggar berjumlah RM1,153.3 bilion atau 19.2% daripada KDNK dengan peruntukan OE diunjur sebanyak RM889.1 bilion atau 14.8% daripada KDNK, manakala DE berjumlah RM264.2 bilion atau 4.4% daripada KDNK. Secara keseluruhan, defisit fiskal bagi tempoh MTFF 2023 – 2025 dijangka berkurang secara berperingkat dengan baki keseluruhan pada purata 4.1% daripada KDNK. Pada akhir 2025, defisit fiskal dijangka mencecah 3.2% manakala defisit baki primer berada pada paras 0.6% daripada KDNK. Defisit yang lebih rendah menggambarkan komitmen Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dan membina semula ruang fiskal bagi memastikan kemampunan kewangan awam dalam jangka masa panjang.

JADUAL 2.7. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2023 – 2025


	RM BILION	% KDNK
Hasil	908.5	15.1
Bukan petroleum	734.5	12.2
Berkaitan petroleum	174.0	2.9
Perbelanjaan mengurus	889.1	14.8
Baki semasa	19.4	0.3
Perbelanjaan pembangunan kasar	264.2	4.4
<i>Tolak: Terimaan balik pinjaman</i>	1.9	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	262.3	4.4
Baki keseluruhan	-242.9	-4.1
Baki primer	-92.3	-1.5
Asas andaian:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.7	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	5.9	
Purata harga minyak mentah (USD setong)	80	
Purata pengeluaran minyak (tong sehari)	530,000	

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kesimpulan

Kerajaan komited untuk meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan kewangan awam. Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kecekapan sistem percukaian, meluaskan asas cukai, meningkatkan keberkesanan pengurusan perbelanjaan dan mengurangkan pendedahan risiko fiskal ke arah memastikan dasar fiskal yang kukuh dan pengurusan hutang yang berhemat. Inisiatif pembaharuan fiskal seperti Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA), MTRS dan semakan semula perbelanjaan awam akan memperkuuh rangka kerja dasar fiskal dalam menyokong agenda pembangunan negara dan melindungi kesejahteraan rakyat.


RAJAH 2.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan




RAJAH 2.2. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan




RAJAH 2.3. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)




RAJAH 2.4. Hasil sebagai Peratusan daripada KDNK (% daripada KDNK)



RAJAH 2.5. Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen



RAJAH 2.6. Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor (% daripada jumlah DE)



¹Awalan

²Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

³Unjuran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

SEKSYEN 3

Pengurusan Hutang dan Risiko Fiskal

41 PERSPEKTIF KESELURUHAN

41 PEMBIAYAAN

42 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

45 HUTANG LUAR MALAYSIA

46 HUTANG SEKTOR AWAM

**47 PENDEDAHAN HUTANG DAN
LIABILITI**

48 JAMINAN KERAJAAN

49 LIABILITI LAIN

50 TINJAUAN TERKINI 2023

50 KESIMPULAN

SEKSYEN 3

Pengurusan Hutang dan Risiko Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Pada 2022, ekonomi dunia mengalami kadar inflasi dan faedah yang tinggi serta gangguan bekalan yang berterusan. Kesannya, dasar monetari telah diperketat oleh bank pusat seterusnya meningkatkan kos pinjaman. Pada peringkat domestik, pinjaman Kerajaan Persekutuan kekal tinggi bagi menyediakan sokongan fiskal dan mempercepat pemulihian ekonomi pascapandemik. Keadaan ini menjelaskan komitmen untuk konsolidasi hutang supaya kembali ke paras prakrisis. Pendedahan jaminan kerajaan (GG) kekal pada paras sederhana disebabkan Kerajaan memberi lebih fokus kepada pelaksanaan dasar yang pragmatik bagi menangani impak pandemik terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Namun begitu, Kerajaan akan terus memantau pendedahan risiko dan liabiliti sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik pengurusan risiko ke arah memperkuuh keupayaan fiskal.

Pembentangan

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada 2022 mencatat RM230.9 bilion atau 12.9% daripada KDNK (2021: RM210.1 bilion; 13.6%). Lebih separuh daripada jumlah pinjaman kasar iaitu RM131.5 bilion (57%) digunakan untuk membiayai hutang yang matang manakala bakinya untuk membiayai defisit termasuk perbelanjaan pakej bantuan COVID-19. Pembentangan hutang yang matang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM29 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) (RM37 bilion), bil perbendaharaan (RM56.2 bilion), Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) (RM9 bilion) dan pinjaman luar pesisir (RM0.3 bilion).

JADUAL 3.1. *Pembentangan Kerajaan Persekutuan, 2021 – 2022*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022
Pinjaman kasar	210,140	230,949	100.0	100.0
Dalam negeri	204,863	230,949	97.5	100.0
MGS	83,000	86,500	39.5	37.5
MGII	77,000	85,000	36.6	36.8
Bil perbendaharaan	44,863	59,449	21.4	25.7
Luar pesisir	5,277	-	2.5	-
Pinjaman pasaran	5,277 ²	-	2.5	-
Pinjaman projek	-	-	-	-
Bayaran balik	109,822	131,528	100.0	100.0
Dalam negeri	106,279	131,262	96.8	99.8
Luar pesisir	3,543	266	3.2	0.2
Pinjaman bersih	100,318	99,421	-	-
Dalam negeri	98,584	99,687	-	-
Luar pesisir	1,734	-266	-	-
Perubahan aset¹	-1,578	61	-	-
Jumlah pembentangan defisit	98,740	99,482	-	-

¹ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

² Amaun termasuk Sukuk Kelestarian berjumlah USD800 juta atau RM3,247 juta

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pinjaman domestik kekal sebagai sumber pembentangan utama memandangkan kecairan mencukupi dalam pasaran. Terbitan MGS mencatat RM86.5 bilion atau 37.5% daripada jumlah pinjaman kasar, manakala MGII sebanyak RM85 bilion atau 36.8%. Di samping itu, terimaan daripada terbitan bil perbendaharaan sebanyak RM59.4 bilion digunakan untuk pengurusan tunai dan mudah tunai Kerajaan.

Kerajaan terus mengukuhkan komitmen Malaysia terhadap Agenda Pembangunan Mampan 2030 berikutan kejayaan penerbitan sukuk global 2021. Pada 30 September 2022, Kerajaan buat julung kalinya menerbitkan MGII Lestari bertempoh matang 15 tahun berjumlah RM4.5 bilion dengan kadar keuntungan 4.662%. Terbitan ini mempertingkatkan penglibatan Kerajaan dalam pembiayaan ESG. Terbitan MGII Lestari menerima permintaan menggalakkan daripada pelabur yang mencatatkan lebih lanjut sebanyak 2.38 kali menggambarkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia yang berdaya tahan. Pelabur utama terbitan ini ialah institusi kewangan tempatan (50.3%) diikuti pelabur institusi (38.4%), syarikat insurans (7.2%) dan pelabur asing (4.1%). Instrumen MGII Lestari merupakan terbitan domestik pertama Kerajaan bertemakan ESG yang menjadi penanda aras baharu dan meletakkan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global seterusnya mengukuhkan kedudukan negara sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia.

Profil terbitan kertas hutang Kerajaan Persekutuan disesuaikan bagi memenuhi permintaan pelbagai kategori pelabur dan membolehkan Kerajaan memperoleh pinjaman mengikut tempoh matang yang berbeza. Komposisi kertas hutang bagi instrumen jangka pendek dan sederhana (kurang dari 10 tahun) kekal tinggi iaitu 57.3% daripada jumlah pinjaman kasar manakala instrumen jangka panjang (10 tahun dan ke atas) sebanyak 42.7%. Secara keseluruhan, purata wajaran tempoh matang Kerajaan bagi terbitan 2022 kekal pada paras 9.3 tahun. Purata ini selaras dengan objektif pengurusan hutang Kerajaan iaitu mengurangkan risiko pembiayaan semula dan memastikan profil kematangan yang terurus.

Kerajaan menerima bidaan berjumlah RM312.3 bilion untuk terbitan pasaran MGS dan MGII dengan nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.24 kali (2021: 2.07 kali), manakala BTC bagi terbitan kertas baharu mencatat

nisbah yang lebih tinggi sebanyak 3 mata asas (bps). Di samping itu, permintaan kertas hutang MGII adalah jauh lebih tinggi sebanyak 2.43 kali berbanding MGS iaitu 2.04 kali. Permintaan kertas jangka sederhana mencatat 2.20 kali manakala kertas jangka panjang sebanyak 2.28 kali. Nisbah BTC yang stabil menunjukkan permintaan kukuh terhadap sekuriti Kerajaan walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global dan domestik.

Rizab Persekutuan AS (Fed) telah menaikkan kadar faedah sebanyak 425 bps sepanjang 2022 dalam usaha berterusan untuk mencapai sasaran kadar inflasi pada paras 2%. Kenaikan kadar faedah Fed turut memberi kesan kepada prestasi aliran asing dan kadar hasil MGS. BNM telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan antaranya meningkatkan OPR sebanyak 100 bps daripada 1.75% kepada 2.75%. Pada akhir 2022, kadar hasil MGS telah meningkat dengan purata 57 bps, iaitu 3-tahun kepada 3.645%, 5-tahun kepada 3.843%, 7-tahun kepada 4.040% dan 10-tahun kepada 4.370%. Secara keseluruhan, purata wajaran kos pinjaman Kerajaan mencatatkan 3.765% pada 2022 (2021: 3.299%) terutamanya disebabkan oleh dasar monetari yang diketatkan.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Kerajaan telah meningkatkan had statutori hutang daripada 55% kepada 65% daripada KDNK dalam tempoh pandemik menerusi penggubalan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]¹ bagi menyediakan ruang fiskal untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi yang bertujuan mengurangkan impak krisis COVID-19. Mengambil kira kesan daripada krisis COVID-19 serta keperluan pembiayaan

¹ Had statutori hutang di bawah Akta 830 telah dipinda daripada 60% kepada 65% daripada KDNK menerusi Akta A1635.

JADUAL 3.2. Perundangan Hutang

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR 2022
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]¹		
Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]²	MGS, MGII dan MITB terkumpul tidak melebihi 65% daripada KDNK	57.7% daripada KDNK (RM1,032 bilion)
Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 [Akta A1635]³		
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	RM29.5 bilion
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	RM9 bilion

¹ Instrumen diterbitkan di bawah Akta 637 ialah MGS² Instrumen diterbitkan di bawah Akta 275 ialah MGII dan MITB³ Had statutori hutang pada paras 55% daripada KDNK di bawah Akta 637 dan Akta 275 digantung sementara sepanjang Akta A1635 berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

bagi meneruskan program dan projek pemuliharan pascapandemik, Kerajaan telah mengekalkan had statutori hutang iaitu 65% daripada KDNK dengan mewartakan Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2022 [P.U. (A) 399/2022] berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Pada akhir 2022, hutang Kerajaan Persekutuan mencatatkan RM1,079.6 bilion atau 60.4% daripada KDNK dengan jumlah hutang terkumpul bagi setiap instrumen kekal tidak melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah Akta berkaitan.

Hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi 97.3% sekuriti berdenominasi ringgit manakala baki sebanyak 2.7% adalah dalam mata wang asing yang meminimumkan pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang asing. Hutang dalam negeri berjumlah RM1,050.1 bilion

terutamanya merangkumi sekuriti jangka sederhana dan panjang iaitu MGS dan MGII sebanyak 51.2% dan 44.9% daripada jumlah hutang dalam negeri serta SPK berjumlah RM9.1 bilion atau 0.9%. Sementara itu, Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) yang merupakan instrumen jangka pendek merekodkan RM31.5 bilion atau 3% daripada jumlah hutang dalam negeri.

Pinjaman luar pesisir yang terdiri daripada pinjaman pasaran dan pinjaman projek berjumlah RM29.5 bilion dengan 64% berdenominasi dolar AS, 35.7% dalam yen dan 0.3% dalam mata wang lain. Pinjaman pasaran merangkumi sukuk global dan bon Samurai mencatatkan RM25.5 bilion manakala pinjaman projek daripada perjanjian bilateral dan multilateral sedia ada merekodkan RM4 bilion.

**JADUAL 3.3. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen,
2021 – 2022**

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Hutang dalam negeri	950,084	1,050,078	97.0	97.3	61.5	58.7
MGS	480,718	538,178	49.1	49.9	31.1	30.1
MGII	423,266 ¹	471,300	43.2	43.7	27.4	26.3
SPK	18,100	9,100	1.8	0.8	1.2	0.5
Bil perpendaharaan	28,000	31,500	2.9	2.9	1.8	1.8
Pinjaman luar pesisir	29,730	29,513	3.0	2.7	1.9	1.7
Pinjaman pasaran	25,147	25,543	2.5	2.3	1.6	1.5
Pinjaman projek	4,583	3,970	0.5	0.4	0.3	0.2
Jumlah	979,814	1,079,591	100.0	100.0	63.4	60.4
<i>Item memorandum:</i> Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	241,846	233,208	25.5	22.2	15.6	13.0

¹ Termasuk Sukuk Prihatin

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

DSC bagi 2022 mencatatkan RM41.3 bilion atau 2.3% daripada KDNK (2021: RM38.1 bilion; 2.5%). Nisbah DSC kepada hasil bertambah baik kepada 14% (2021: 16.3%) disebabkan oleh pertumbuhan hasil yang lebih tinggi berbanding DSC. Kos pembiayaan bagi terbitan dalam negeri berjumlah RM40.6 bilion manakala RM0.7 bilion untuk terbitan luar pesisir. Kesan volatiliti pertukaran mata wang asing kepada pembiayaan luar pesisir adalah minimum memandangkan jumlah hutang dalam mata wang asing yang rendah. Purata wajaran kadar hasil ke atas hutang dalam negeri pada akhir 2022 kekal stabil pada 4.031% (2021: 3.960%) meskipun persekitaran kadar faedah yang semakin tinggi pada peringkat global.

Pada akhir September 2022, komposisi pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada 75.2% pemastautin dan

24.8% bukan pemastautin. Pemegangan pemastautin meningkat kepada RM807.8 bilion (2021: RM712.5 bilion) terutamanya daripada institusi perbankan iaitu 31.7% serta pelabur institusi kukuh dan berjangka panjang sebanyak 31.6% merangkumi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (24.2%), syarikat insurans (4.6%) dan KWAP (2.8%). Sementara itu, BNM mempunyai pegangan sebanyak 4.1%, institusi kewangan pembangunan (2.1%) dan pemegangan pemastautin lain (5.7%).

Pemegangan bukan pemastautin stabil sekitar RM267 bilion (2021: RM267.3 bilion). Institusi jangka panjang iaitu bank pusat dan kerajaan, dana persaraan dan syarikat insurans merupakan pemegang bukan pemastautin terbesar sebanyak 12%. Pemegangan ini diikuti oleh pengurus dana (7.9%), institusi perbankan (4.4%) dan bukan pemastautin lain (0.5%).

JADUAL 3.4. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang, 2021 – 2022

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ³	2021	2022 ³	2021	2022 ³
Pemastautin	712,506	807,794	72.7	75.2	46.1	45.2
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	235,712	259,820	24.1	24.2	15.3	14.5
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	29,436	30,372	3.0	2.8	1.9	1.7
Syarikat insurans	46,020	49,281	4.7	4.6	3.0	2.8
Bank Negara Malaysia	25,094	44,175	2.6	4.1	1.6	2.5
Institusi perbankan	303,363	341,209	30.9	31.7	19.6	19.1
Institusi kewangan pembangunan	18,235	22,157	1.9	2.1	1.2	1.2
Lain-lain ¹	54,646	60,780	5.5	5.7	3.5	3.4
Bukan pemastautin	267,308	266,985	27.3	24.8	17.3	14.9
Pengurus dana	94,972	85,136	9.7	7.9	6.1	4.8
Bank pusat dan kerajaan	78,880	73,971	8.0	6.9	5.1	4.1
Institusi perbankan	33,376	47,462	3.4	4.4	2.2	2.7
Dana persaraan	44,657	46,963	4.6	4.4	2.9	2.6
Syarikat insurans	7,957	7,943	0.8	0.7	0.5	0.4
Lain-lain ²	7,466	5,510	0.8	0.5	0.5	0.3
Jumlah	979,814	1,074,779	100.0	100.0	63.4	60.1

¹ Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasi

² Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi multilateral dan bilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

³ Akhir September 2022

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Hutang Luar Malaysia

Pada akhir September 2022, hutang luar² meningkat sebanyak 8.1% kepada RM1,169.4 bilion atau 65.4% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan pinjaman luar pesisir dan deposit bukan pemastautin serta kesan penilaian daripada tukaran mata wang asing berikutan kenaikan nilai dolar AS. Pinjaman luar pesisir meningkat kepada RM646.7 bilion atau 55.3% daripada jumlah hutang luar terutamanya disebabkan oleh pinjaman antara bank yang lebih tinggi dan pinjaman berdenominasi mata wang asing bersih oleh sektor swasta.

Pemegangan hutang luar oleh bukan pemastautin yang merangkumi sekuriti hutang dalam denominasi ringgit dan deposit meningkat kepada RM365.7 bilion berikutan deposit yang lebih tinggi iaitu RM111.4 bilion. Lain-lain hutang luar turut meningkat kepada RM157 bilion disebabkan oleh kredit perdagangan yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, hutang luar kekal terurus didorong profil kematangan hutang yang baik dengan komposisi hutang jangka sederhana dan panjang yang tinggi iaitu 58.5% berbanding hutang jangka pendek sebanyak 41.5%. Rizab mata wang asing yang mencukupi dapat mengurangkan risiko pembiayaan semula liabiliti luar jangka pendek.

² Hutang luar terdiri daripada pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin serta hutang luar lain.

JADUAL 3.5. *Hutang Luar,
2021 – 2022*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ³	2021	2022 ³	2021	2022 ³
Pinjaman luar pesisir	591,958	646,702	54.7	55.3	38.3	36.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	391,393	403,545	36.2	34.5	25.3	22.6
Sektor awam	162,829	160,759	15.1	13.7	10.5	9.0
Kerajaan Persekutuan	25,461	25,447	2.4	2.2	1.6	1.4
Syarikat awam	137,368	135,312	12.7	11.5	8.9	7.6
Sektor swasta	228,563	242,785	21.1	20.8	14.8	13.6
Hutang jangka pendek	200,565	243,157	18.5	20.8	13.0	13.6
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	255,056	254,327	23.6	21.8	16.5	14.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	246,098	238,109	22.8	20.4	15.9	13.3
Kerajaan Persekutuan	232,510	225,713	21.5	19.3	15.0	12.6
Lain-lain ¹	13,588	12,396	1.3	1.1	0.9	0.7
Hutang jangka pendek	8,958	16,218	0.8	1.4	0.6	0.9
Deposit bukan pemastautin	99,902	111,401	9.2	9.5	6.5	6.2
Lain-lain²	135,146	157,003	12.5	13.4	8.7	8.8
Jumlah	1,082,061	1,169,433	100.0	100.0	70.0	65.4

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam

² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain

³ Akhir September 2022

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang Sektor Awam

Pada akhir September 2022, hutang sektor awam yang merangkumi obligasi hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat awam bukan kewangan (SABK) meningkat sebanyak 7% kepada RM1,484.8 bilion atau 83% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan daripada 70.6% kepada 72.4% daripada jumlah keseluruhan hutang. Jumlah hutang badan

berkanun yang dijamin Kerajaan meningkat kepada RM95.2 bilion berikutan terbitan bersih Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Sementara itu, hutang SABK berkurang kepada RM314.9 bilion terutamanya disumbangkan oleh bayaran balik prinsipal hutang luar pesisir yang matang. Hutang sektor awam kekal terurus memandangkan sebahagian besar hutang adalah berdenominasi ringgit.

JADUAL 3.6. Hutang Sektor Awam,
2021 – 2022

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ¹	2021	2022 ¹	2021	2022 ¹
Kerajaan Persekutuan	979,814	1,074,779	70.6	72.4	63.4	60.1
Dalam negeri	950,084	1,044,578	68.5	70.4	61.5	58.4
Luar pesisir	29,730	30,201	2.1	2.0	1.9	1.7
Badan berkanun	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
Dalam negeri	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
antaranya: Dijamin	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	316,752	314,856	22.8	21.2	20.5	17.6
Dalam negeri	185,309	185,241	13.3	12.5	12.0	10.4
antaranya: Dijamin	185,309	185,241	13.3	12.5	12.0	10.4
Luar pesisir	131,443	129,615	9.5	8.7	8.5	7.2
antaranya: Dijamin	27,778	29,268	2.0	2.0	1.8	1.6
Jumlah	1,387,866	1,484,803	100.0	100.0	89.8	83.0

¹ Akhir September 2022

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Pendedahan hutang dan liabiliti merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan dan obligasi kewangan lain iaitu komitmen jaminan, hutang 1MDB dan liabiliti lain meliputi komitmen bagi projek di bawah kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Pada akhir 2022, jumlah pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan dianggarkan sebanyak RM1,445.9 bilion atau 80.9% daripada KDNK.

JADUAL 3.7. Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan,
2021 – 2022

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ¹	2021	2022 ¹
Hutang Kerajaan Persekutuan	979.8	1,079.6	63.4	60.4
Komitmen jaminan	197.3	205.9	12.8	11.5
1Malaysia Development Berhad	32.1	18.2	2.1	1.0
Liabiliti lain	151.1	142.2	9.8	8.0
Jumlah	1,360.3	1,445.9	88.1	80.9

¹ Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jaminan Kerajaan

Jumlah GG terkumpul pada akhir 2022 dianggarkan sebanyak RM317.6 bilion atau 17.8% daripada KDNK (2021: RM310.4 bilion; 20.1%). Terdapat terbitan baharu oleh DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra), Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) untuk membiayai projek infrastruktur pengangkutan awam sedia ada, LPPSA bagi fasiliti pinjaman perumahan kepada penjawat awam, PTPTN untuk pinjaman pendidikan serta FELDA untuk langkah penstrukturan semula dan rehabilitasi.

Walau bagaimanapun, jumlah GG terkumpul menyederhana sebanyak 2.3% berikutan penyelesaian pembiayaan untuk beberapa pemegang GG seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Johor Corporation serta

penebusan awal hutang oleh Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. dan Penerangan Malaysia Berhad.

Jaminan pinjaman yang memerlukan bantuan kewangan dalam pelbagai bentuk termasuk peruntukan awal untuk projek dalam pembinaan atau fasa permulaan operasi, bantuan modal kerja dan pembayaran faedah adalah diklasifikasikan sebagai komitmen jaminan. Kebanyakan projek adalah projek berimpak tinggi berpaksikan rakyat seperti penyediaan infrastruktur dan pengangkutan. Pada masa ini, komitmen jaminan turut mengambil kira jaminan yang disediakan di bawah Seksyen 14, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir 2022, komitmen jaminan dianggarkan sebanyak RM205.9 bilion (2021: RM197.3 bilion) berikutan terbitan pembiayaan baharu oleh entiti seperti MRL, DanaInfra dan Prasarana untuk projek sedia ada.

JADUAL 3.8. *Penerima Utama Jaminan Pinjaman, 2021 – 2022*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ²	2021	2022 ²	2021	2022 ²
DanaInfra Nasional Berhad	78,765	82,680	25.4	26.0	5.1	4.6
Prasarana Malaysia Berhad	40,164	42,369	12.9	13.3	2.6	2.4
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	38,550	42,250	12.4	13.3	2.5	2.4
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	40,000	41,500	12.9	13.1	2.6	2.3
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	25,726	30,851	8.3	9.7	1.7	1.7
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	3.5	3.5	0.7	0.6
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	6,420	7,918	2.1	2.5	0.4	0.4
Pengurusan Air SPV Berhad	8,025	6,775	2.6	2.1	0.5	0.4
Khazanah Nasional Berhad	9,000	6,500	2.9	2.1	0.6	0.4
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	7,179	6,485	2.3	2.0	0.4	0.4
Jumlah penerima utama	264,829	278,328	85.3	87.6	17.1	15.6
Lain-lain penerima	45,558	39,289	14.7	12.4	3.0	2.2
Jumlah jaminan pinjaman	310,387	317,617	100.0	100.0	20.1	17.8

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran mata wang

² Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.9. Komitmen Jaminan,
2021 – 2022

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022 ²	2021	2022 ²
DanaInfra Nasional Berhad	78,765	82,680	39.9	40.1
Prasarana Malaysia Berhad	40,164	42,369	20.3	20.6
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	25,726	30,851	13.0	15.0
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	21,526	22,403	10.9	10.9
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	7,179	6,485	3.6	3.1
Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ¹	5,470	5,421	2.8	2.6
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310	4,810	2.7	2.3
GovCo Holdings Berhad	5,700	4,625	2.9	2.3
MKD Kencana Sdn. Bhd.	4,500	4,500	2.3	2.2
TRX City Sdn. Bhd.	1,141	1,150	0.6	0.6
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	700	600	0.4	0.3
Assets Global Network Sdn. Bhd.	152	51	0.1	0.0
SRC International Sdn. Bhd.	985	-	0.5	-
Jumlah	197,318	205,945	100.0	100.0

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran mata wang

² Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jumlah hutang terkumpul 1MDB pada akhir 2022 berkurang kepada RM18.2 bilion (2021: RM32.1 bilion) berikutan penebusan hutang bagi 1MDB Energy Ltd pada Mei 2022 dan 1MDB Energy (Langat) Ltd pada Oktober 2022 menggunakan dana daripada Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset. Baki Akaun Amanah pada akhir 2022 yang dianggarkan

sebanyak RM1.9 bilion akan digunakan untuk membayar faedah bagi baki hutang prinsipal. Penebusan bon 1MDB Global Investment Limited pada Mac 2023 berjumlah USD3 bilion telah diperuntukkan dalam Bajet 2023. Penebusan hutang prinsipal 1MDB terakhir berjumlah RM5 bilion akan diselesaikan pada Mei 2039.

JADUAL 3.10. Hutang 1MDB,
2022

KOMPONEN	KADAR (%)	TARIKH MATANG	PRINSIPAL (RM BILION)
Surat Sokongan Bon Global Investment Limited (USD3 bilion)	4.44	Mac 2023	13.2 ¹
Jaminan Kerajaan Sukuk	5.75	Mei 2039	5.0
Jumlah			18.2

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran mata wang
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Liabiliti Lain

Pada akhir 2022, komitmen projek PPP dan obligasi kewangan projek PFI berjumlah RM142.2 bilion (2021: RM151.1 bilion). Terdapat 105 projek PPP sedang dalam pelaksanaan dengan anggaran komitmen sebanyak RM92.1 bilion (2021: RM97.8 bilion), manakala liabiliti keseluruhan PFI dianggar berjumlah RM50.1 bilion (2021: RM53.3 bilion). Projek PFI meliputi naik taraf sekolah, universiti dan pusat latihan serta pembaikan dan penyelenggaraan bangunan Kerajaan Persekutuan.

Tinjauan Terkini 2023



Kerajaan akan meneruskan kitaran balas dasar fiskal bagi membina kemampuan dan kemakmuran Malaysia melalui penerapan keterangkuman dan kesaksamaan di seluruh negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Pinjaman pada 2023 dijangka mencapai 12.2% daripada KDNK antaranya bagi membiayai program dan projek pembangunan *Rolling Plan Ketiga* di bawah RMKe-12 serta penyebusan bon 1MDB yang matang pada Mac 2023. Di samping itu, pembukaan semula MGII Lestari dalam suku tahun pertama membuktikan komitmen Kerajaan dalam menyokong agenda kemampuan, inklusif dan berdaya tahan. Kerajaan akan mengutamakan sumber pinjaman daripada pasaran domestik mengambil kira kecairan yang mencukupi. Oleh itu, hutang Kerajaan Persekutuan dijangka mencecah sekitar 62% daripada KDNK pada akhir 2023. Kerajaan secara konsisten komited untuk mengurus tahap keberhutangan dalam jangka masa sederhana di samping memastikan pertumbuhan yang mampan.

Pelaksanaan projek PPP juga akan ditambah baik melalui model PPP 3.0 yang menyediakan rangka kerja strategik dari aspek tadbir urus,

penyampaian perkhidmatan, pembiayaan dan pendekatan pelaksanaan projek bagi mencapai keberhasilan dan nilai faedah terbaik. Pada masa yang sama, Kerajaan turut menekankan kepentingan pengukuhan tadbir urus, membanteras ketirisan dan melaksanakan amalan terbaik kewangan awam bagi menangani pendedahan liabiliti luar jangka.


Kesimpulan

Sejajar dengan trajektori konsolidasi fiskal, Kerajaan bertekad untuk menambah baik kemampuan keberhutangan dan kemampuan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang disokong oleh inisiatif pembaharuan fiskal. Pemantauan berterusan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan akan memastikan Kerajaan mampu untuk mengurus dan menambah baik tahap keberhutangan, mengurangkan risiko serta meningkatkan usaha ke arah kewangan awam yang kukuh. Kerajaan komited untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan secara beransur-ansur ke paras prapandemik dan membina semula ruang fiskal dalam mendepani ketidaktentuan pada masa hadapan.


RAJAH 3.1. Terbitan mengikut Tempoh Matang**RAJAH 3.2.** Kadar Hasil Indikatif MGS**RAJAH 3.3.** Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

RAJAH 3.4. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang




RAJAH 3.5. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin




RAJAH 3.6. Bayaran Khidmat Hutang



RAJAH 3.7. Jaminan Pinjaman Terkumpul



RAJAH 3.8. Pendedahan Liabiliti Kerajaan Persekutuan



¹Akhir September 2022

²Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

SEKSYEN 4

Inisiatif Strategik

55 STRATEGI BELANJAWAN 2023: MEMBANGUN NEGARA MADANI

Sisipan 4.1 – Membangun Negara MADANI:
Visi dan Kerangka Dasar Reformasi

58 KEMAMPANAN

59 KESEJAHTERAAN

60 DAYA CIPTA

61 HORMAT

62 KEYAKINAN

62 IHSAN

64 KESIMPULAN

65 RUJUKAN

SEKSYEN 4

Inisiatif Strategik

Strategi Belanjawan 2023: Membangun Negara MADANI

Menuju Malaysia MADANI, Kerajaan telah menggariskan anjakan besar yang perlu dilaksanakan melalui kerangka MADANI bagi membolehkan negara bangkit semula sebagai Harimau Asia. Di bawah kerangka ini, Kerajaan akan mengambil pendekatan yang komprehensif untuk menggalakkan perpaduan dalam kepelbagaian serta ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam semua aspek pembangunan negara. Kerangka ini akan

memberikan tumpuan kepada pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara berdaya tahan dan makmur berpandukan dasar yang berpandangan jauh untuk menggerakkan sumber manusia, teknologi dan sumber asli dengan cekap. Enam tonggak MADANI terdiri daripada keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Kesemua tonggak ini akan memacu negara ke arah kestabilan, pemulihan ekonomi, kesejahteraan rakyat serta menegakkan integriti dalam masyarakat inklusif di bawah konsep *Wahdatul Fikr* (kesatuan fikiran) melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

SISIPAN 4.1

Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi

Pengenalan


YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke-10 telah melancarkan kerangka dasar MADANI, "Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi" pada 19 Januari 2023. Konsep MADANI digambarkan sebagai negara yang bertamadun dan maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan infrastruktur. Kerangka dasar ini diterjemahkan dengan huruf M.A.D.A.N.I. iaitu keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Gabungan enam tonggak utama tersebut membentuk kerangka dalam membangunkan negara yang mampan dan makmur bagi mencapai visi mewujud masyarakat Malaysia yang adil melalui penerapan aspek keterangkuman dan kesaksamaan.

Kerangka Dasar MADANI

Enam tonggak tersebut akan diterapkan dengan lapan elemen penting iaitu ekonomi dan kewangan; undang-undang; institusi; pendidikan; sosial; budaya; bandar; dan luar bandar untuk mengemudi negara mengharungi dimensi kerumitan, percanggahan dan kekacauan dalam tempoh pasca normal. Kerangka dasar MADANI akan memastikan keserentakan tindakan oleh semua pihak berkepentingan dalam semangat ketelusan dan kerjasama yang turut mengambil kira cabaran dan peluang masa hadapan. Hubung kait antara tonggak, elemen penting dan pelbagai dimensi seperti

dalam Rajah 4.1.1. Selain itu, bahasa, nilai dan budaya Malaysia merupakan nadi kerangka dasar ini yang mengiktiraf hak setiap warganegara dan menggalakkan norma sosial dan budaya untuk meningkatkan keterangkuman.

RAJAH 4.1.1. Kerangka Dasar MADANI



Sumber: Institut Darul Ehsan dan The Centre for Postnormal Policy & Futures Studies

Tonggak Utama MADANI

Definisi, visi dan sasaran setiap tonggak utama ialah seperti berikut:

KeMampanan bertujuan memastikan kesinambungan sumber dalam memenuhi keperluan semasa tanpa menjelaskan keperluan generasi akan datang yang melibatkan proses berterusan dan usaha kolektif semua rakyat Malaysia untuk menghormati dan mengimbangi hak individu, masyarakat

serta alam semula jadi. Kemampuan merangkumi aspek persekitaran alam semula jadi, masyarakat luar bandar dan bandar serta keluarga dan individu. Selain itu, kemampuan dalam hal berkaitan kebudayaan serta tingkah laku sosial dan individu perlu disokong dan dipromosikan.

Kesejahteraan bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan melalui pemerksaan dan keterangkuman masyarakat dengan mengambil kira kesejahteraan rakyat, masyarakat dan negara secara tuntas. Konsep Islam *al-falah* (kejayaan, kebahagiaan dan kesejahteraan) juga boleh dicapai melalui pengisian kerohanian dan peningkatan diri dalam mentaati perintah Allah. Konsep ini akan memberi keseimbangan bagi mencapai kesejahteraan berteraskan penghormatan kepada orang lain di samping mengaplikasikan inovasi secara berterusan dalam masyarakat.

Daya cipta merupakan kesediaan untuk memupuk budaya inovatif dalam kalangan masyarakat dan menjulang negara sebagai penyumbang aktif dalam revolusi digital dan teknologi. Daya cipta juga ialah proses berterusan dan berevolusi yang memperkasakan kreativiti rakyat melalui penyediaan infrastruktur yang menyokong ekosistem inovasi. Budaya ini merupakan pemacu perubahan bagi meningkatkan daya saing negara secara terancang dan beretika di samping mengembangkan potensi dinamik masyarakat untuk membentuk masa hadapan yang lebih baik.

Hormat bertujuan membentuk masyarakat yang adil dan saling menghormati khususnya untuk keterangkuman, kesaksamaan, integriti dan maruah manusia. Tonggak ini akan menjadikan budi bahasa, kesopanan dan kesusilaan sebagai asas tingkah laku sivik dan ketamadunan. Hormat merupakan elemen asas dalam menyantuni orang lain dengan berhemah yang menekankan hak asasi manusia dan prinsip tidak mengharapkan balasan. Oleh itu, setiap anggota masyarakat perlu saling menghormati antara satu sama lain ke arah perpaduan rakyat yang lebih teguh.

Keyakinan merupakan komitmen dalam memartabatkan ketelusan dan mengembalikan keyakinan antara Kerajaan dengan rakyat sebagai usaha untuk membangunkan semula dan memperkuuh perpaduan nasional dalam kalangan masyarakat serta semua organisasi demi membina masa hadapan yang lebih baik. Konsep keyakinan boleh dilihat dari aspek kepercayaan dan pertanggungjawaban. Bagi memastikan negara terus maju ke hadapan, keyakinan hendaklah direalisasikan dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat untuk mengatasi halangan dan rintangan sosioekonomi.

Ihsan akan memupuk masyarakat prihatin yang mendorong semua rakyat untuk menyokong kumpulan rentan mendapatkan keperluan asas melalui bantuan kebijakan sosial, makanan bergizi seimbang dan perumahan mampu milik yang mencukupi serta penjagaan kesihatan yang berkualiti. Konsep ini menekankan tanggungjawab sosial yang lebih luas antara satu sama lain dengan sifat empati, kejujuran dan keinginan untuk memartabatkan status sosioekonomi semua lapisan masyarakat.

Dimensi Sokongan MADANI

Kesalinghubungan antara enam tonggak MADANI dengan Iapan elemen penting hendaklah diterapkan dalam setiap dasar yang berkaitan bagi memastikan dasar negara terus teguh merentasi zaman. Usaha ini memerlukan analisis yang merangkumi antara lain, struktur, sistem dan idea sedia ada yang boleh disemak dan ditambah baik serta pelbagai hasil yang berpotensi dalam memastikan keberkesanan kerangka dasar ini. Namun demikian, pelaksanaan elemen penting tersebut perlu menangani cabaran dan peluang yang akan dihadapi dalam era baharu.

Setiap tonggak serta sebarang dasar berkaitan dan pelaksanaannya perlu sentiasa dipantau, dinilai dan disemak semula. Proses tersebut perlu dilaksanakan melalui penggunaan jentera kerajaan dan teknologi terkini. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kerangka dasar tersebut, institusi berkaitan perlu diperkuuhkan manakala pihak berkepentingan perlu dilibatkan secara berterusan.

Kesimpulan

Kerangka dasar MADANI akan memperkasakan semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk serta mewujudkan platform yang inklusif dan saksama bagi mencapai matlamat pada masa hadapan. Kerangka dasar ini merupakan inisiatif bersepudu dan holistik iaitu kesemua enam tonggak saling berkaitan dalam tindakan berangkai yang menyokong kejayaan pelaksanaan dasar secara keseluruhan. Kesejahteraan negara akan dapat dicapai berlandaskan kemampunan, masyarakat Malaysia yang penyayang dan ihsan, budaya saling menghormati yang diterapkan semula berpandukan keyakinan sejati serta berbekalkan semangat daya cipta yang tinggi.

KeMampanan

Kemampanan kunci kesejahteraan masa hadapan

Tiga ancaman yang melanda dunia iaitu ketegangan geopolitik, penularan varian baharu COVID-19 yang sangat mudah berjangkit dan kesan perubahan iklim yang berterusan dijangka meningkatkan lagi inflasi global seterusnya berpotensi menggugat pertumbuhan ekonomi. Pengurusan sumber asli yang tidak cekap juga boleh memudaratkan generasi akan datang. Malaysia perlu mengukuhkan pelbagai aspek kemampunan dalam agenda pembangunan ekonomi untuk memastikan ekonomi negara terus berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Kebimbangan yang meningkat terhadap ketakjaminan makanan akibat gangguan rantai bekalan, cuaca ekstrem, peningkatan kos tenaga dan import serta pergerakan rentas sempadan dan akses bekalan makanan import yang terhad mempunyai kesan meluas ke atas kehidupan dan perniagaan. Bagi menangani perkara ini, Kerajaan akan terus memberikan perhatian dan keutamaan khusus kepada keterjaminan makanan dalam memastikan kebolehcapaian makanan yang berterusan

kepada rakyat. Usaha berterusan sedang diambil untuk menambah baik keseluruhan rantai bekalan makanan termasuk faktor pengeluaran serta peringkat pemprosesan, pengedaran dan penyediaan dengan fokus memastikan keselamatan makanan.

Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021 – 2025) menyediakan panduan menyeluruh kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam memastikan sumber makanan negara mencukupi untuk setiap rakyat. Antara inisiatif utama di bawah dasar ini termasuk mempergiat usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik, memperluas penerimaan teknologi dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import. Kerajaan juga komited untuk memodenkan lagi sektor pertanian bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk menarik lebih ramai belia menjadi usahawan tani. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meminimumkan risiko terhadap keterjaminan makanan.

Melalui Belanjawan 2023, Kerajaan terus menyediakan subsidi dan insentif kepada industri pertanian dan perikanan serta melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan bekalan makanan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk pengusaha agromakanan termasuk

menyediakan kemudahan agro-logistik. Selain itu, Kerajaan akan terus menggalakkan agropreneur PMKS untuk meningkatkan pengeluaran tanaman dan pemprosesan makanan melalui penerimagaunaan teknologi disokong oleh program pembentukan dan pendanaan yang menarik.

Perubahan pola cuaca akan meningkatkan kekerapan bencana alam seperti banjir, kemarau berpanjangan, tanah runtuh dan fenomena air pasang besar yang boleh memberikan kesan meluas kepada negara dan kehidupan rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan akan menjalankan lebih banyak usaha untuk menangani bencana tersebut bagi memastikan negara berdaya tahan terhadap peningkatan risiko disebabkan perubahan pola cuaca pada masa akan datang.

Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk mengurangkan kesan negara terhadap iklim selaras dengan aspirasi Malaysia untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih seawal 2050. Usaha tersebut termasuk mempertingkatkan penyerapan karbon semula jadi Malaysia serta menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu dan meningkatkan kecekapan tenaga merentasi semua sektor. Tambahan pula, Kerajaan akan menggalakkan ekosistem perakaunan karbon dalam kalangan semua pihak berkepentingan serta mengenal pasti mekanisme penetapan harga karbon yang bersesuaian. Pembangunan industri rendah karbon yang terpilih juga akan dipergiat termasuk terus mempromosi industri kenderaan elektrik dan ekosistem sokongannya.

Keperluan untuk memelihara alam semula jadi Malaysia adalah lebih mendesak terutamanya dalam memastikan kejayaan menangani semua isu tersebut. Keadaan hutan, tanah dan paya bakau yang baik membantu mengurangkan kesan dan kejadian bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan liruan ribut yang melampau. Pemuliharaan ekosistem laut terutamanya bakau dan

terumbu karang akan menyumbang kepada peningkatan stok ikan dan makanan laut serta mengurangkan risiko keterjaminan makanan. Peningkatan litupan pokok dan pemeliharaan hutan semula jadi akan mengukuhkan keupayaan penyerapan karbon semula jadi negara dan menyokong aspirasi pelepasan sifar bersih. Justeru, Belanjawan 2023 akan menyokong usaha bagi memastikan persekitaran semula jadi kekal terpelihara dan berdaya tahan sebagai satu bentuk penyelesaian semula jadi untuk mengurangkan isu berkaitan bencana dan keterjaminan makanan di samping mencapai aspirasi sifar bersih. Ekosistem semula jadi yang berkembang maju dengan kekayaan biodiversiti penting kepada semua rakyat Malaysia dan perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.

Bagi mencapai tujuan tersebut, Kerajaan akan terus memperkuuh keupayaan dan kapasiti negara untuk mengoptimumkan sumber dalam mendepani cabaran yang dijangka di samping meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi secara mampan dan bertanggungjawab. Usaha tersebut memerlukan pendekatan seluruh negara demi mewujudkan pembangunan yang seimbang merentasi semua sektor serta meningkatkan kesejahteraan rakyat seterusnya menjamin masa hadapan yang lebih mampan.

Kesejahteraan

Pembangunan seimbang ke arah kesejahteraan

Kestabilan negara merupakan aspek penting dalam memastikan negara terus makmur pada masa hadapan. Keutamaan akan diberikan dalam memperkuuh kesejahteraan rakyat, perpaduan dan keselamatan negara di samping memastikan negara kekal teguh dan berdaya tahan melalui dasar fiskal responsif, pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti, peningkatan produktiviti dan pengukuhkan kesiagaan pertahanan negara.

Bagi terus memastikan kemakmuran dan kestabilan negara, pelaksanaan agenda pembangunan berkesan memerlukan inisiatif menyeluruh melalui dasar makroekonomi dan fiskal dengan menumpukan kesejahteraan rakyat dan pengukuhan kewangan awam. Dasar fiskal Kerajaan akan terus menyokong aktiviti ekonomi dengan memberi penekanan kepada peluasan asas hasil, memperkasa pembaharuan perbelanjaan awam dan memastikan kemampuan hutang. Belanjawan 2023 akan dipacu oleh MTFF dan strategi terutamanya dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup. Strategi tersebut memberikan tumpuan kepada menambah baik kecekapan perbelanjaan dan mengurangkan pembaziran khususnya melalui mekanisme subsidi bersasar yang efektif serta memastikan kutipan hasil yang mampan. Selain itu, FRA yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada 2023 akan terus meningkatkan ketelusan fiskal, akauntabiliti dan tadbir urus. Gabungan semua langkah tersebut akan mewujudkan ruang fiskal yang lebih baik bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas dan mengekalkan daya tahan ekonomi.

Selaras dengan perkembangan teknologi, peningkatan produktiviti akan terus diberikan keutamaan oleh Kerajaan melalui penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) di samping mempergiat automasi dan digitalisasi di bawah IR4.0 dan agenda MyDIGITAL bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti. Sementara itu, strategi untuk menggalakkan aktiviti bernilai tambah tinggi dan digitalisasi dalam kalangan PMKS akan menjadi antara fokus Belanjawan 2023 bagi meningkatkan daya saing serta menambah baik ekosistem bekerja. Majikan khususnya dalam kalangan PMKS akan diberi galakan untuk meningkatkan penggunaan digital bagi meningkatkan produktiviti perniagaan. Selain itu, pembelajaran sepanjang hayat melalui inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula yang disesuaikan mengikut keperluan juga akan diberikan penekanan dalam Belanjawan 2023 untuk memastikan lebih banyak peluang pekerjaan mahir dan bergaji tinggi termasuk kepada golongan belia.

Bagi meningkatkan pendapatan pekerja yang bergaji rendah, gaji minimum bagi pekerja telah disemak semula kepada RM1,500 sebulan berkuat kuasa 1 Mei 2022 di bawah Perintah Gaji Minimum 2022 dan telah memanfaatkan sekitar 27% daripada jumlah pekerja bergaji. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini yang dijadualkan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2023 telah ditangguhkan kepada 1 Julai 2023 bagi perusahaan mikro disebabkan oleh cabaran kewangan yang dihadapi khususnya syarikat yang mempunyai kurang daripada lima pekerja. Namun begitu, pelaksanaan dasar ini perlu dan penting untuk melindungi pekerja daripada menerima gaji yang terlalu rendah di samping dapat meningkatkan permintaan guna tenaga dan produktiviti setanding dengan ekonomi berpendapatan tinggi. Justeru, Kerajaan akan terus mengkaji kadar gaji minimum yang lebih wajar dan ditanda aras dengan paras gaji median semasa atau Pendapatan Garis Kemiskinan.

Keselamatan negara perlu diberi penekanan bagi mempertingkatkan lagi kesejahteraan rakyat. Landskap keselamatan semasa telah menjadi semakin kompleks dengan ancaman dalaman dan luaran yang mungkin boleh memberikan impak tinggi kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Sehubungan itu, Belanjawan 2023 akan memberikan perhatian kepada keselamatan dan pertahanan negara dengan memperkuuh kawalan sempadan melalui penyelenggaraan aset dan menaik taraf fasiliti. Selain itu, ekosistem keselamatan siber dan kerjasama serantau berkaitan keselamatan akan diperkuuh bagi membantu menjamin kepentingan negara.

Daya Cipta

Membina budaya inovasi untuk meningkatkan daya saing

Dalam dunia yang dinamik, Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan perubahan pantas persekitaran yang memerlukan anjakan paradigma dan budaya inovasi untuk

meningkatkan daya saing. Sehubungan ini, sistem penyampaian perkhidmatan memerlukan penambahbaikan berterusan agar lebih berkesan, bertanggungjawab dan telus. Ekosistem penyampaian perkhidmatan awam akan diperkemas melibatkan proses merekaya, digitalisasi serta mengenal pasti pertindihan dan pertindanan fungsi. Usaha tersebut selari dengan inisiatif Kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan strategik.

Bermatlamat menginstitusikan inovasi di Malaysia, kerjasama antara konglomerat dengan PMKS akan digalakkan bagi memperkuuh keseluruhan ekosistem ekonomi seterusnya meningkatkan daya saing industri negara pada peringkat global. Selain itu, keutamaan akan diberikan kepada langkah khusus bagi menggalak kerjasama dan menghubungkan PMKS dengan rangkaian pengetahuan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk syarikat multinasional (MNC), ahli akademik, institusi penyelidikan dan komuniti inovator. Usaha bagi meluaskan penggunaan e-pembayaran dalam komuniti dan menyediakan latihan mengenai digitalisasi perniagaan, automasi dan penggunaan kecerdasan buatan untuk PMKS juga akan diperkuuh. Inisiatif tersebut akan menggalakkan dan mendorong penerimangunaan proses yang inovatif dalam kalangan PMKS.

Selain itu, Belanjawan 2023 juga akan memberi fokus untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi mengukuhkan ekosistem inovasi melalui penambahbaikan kawal selia dan prosedur perniagaan. Langkah ini bertujuan membangunkan lebih banyak perniagaan tempatan dan menarik perniagaan global ke Malaysia. Di samping itu, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan untuk menggalakkan perniagaan mengamalkan ESG dan memperbanyak pelaburan hijau bagi mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan bernilai tinggi. Usaha ini akan mengukuhkan integrasi syarikat Malaysia dalam rantaian bekalan global di samping menarik lebih banyak FDI dan pelaburan

langsung domestik (DDI). Secara keseluruhan, usaha tersebut akan mempercepat pewujudan syarikat pemula yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan firma inovatif untuk memacu transformasi ekonomi Malaysia.

Sementara itu, pertumbuhan industri berimpak tinggi dan strategik akan dipercepat bagi menggalakkan penghasilan produk yang canggih, berteknologi dan bernilai tambah tinggi serta mewujudkan lebih banyak pekerjaan berpendapatan tinggi dan mengembangkan pasaran eksport. Dengan peralihan pantas industri tersebut, Kerajaan akan mempercepat penerimangunaan digitalisasi dan inovasi teknologi serta meningkatkan langkah keselamatan siber sejajar dengan pelancaran 5G sebagai pemacu pertumbuhan.

HormAt

Menggalakkan nilai hormat bagi perpaduan negara

Sebagai negara yang mempunyai masyarakat berbilang agama dan etnik, amalan saling menghormati sesama rakyat adalah penting untuk mengukuhkan perpaduan negara. Konsep *Karamah Insaniah* iaitu menghormati maruah manusia dan kehormatan individu merupakan kunci untuk menerapkan nilai hormat-menghormati dan toleransi dalam masyarakat. Usaha ini penting bagi menyatupadukan rakyat dalam menyumbang kepada kemakmuran negara. Inisiatif ini termasuk meningkatkan taraf hidup dan status sosioekonomi masyarakat tertentu khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar dan golongan rentan bagi menggalakkan inklusiviti.

Pencapaian dan penyertaan ekuiti Bumiputera masih rendah dalam pelbagai aspek. Justeru, Belanjawan 2023 akan memberi tumpuan berterusan kepada usaha untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam pelbagai aktiviti sosioekonomi yang bernilai tambah tinggi dan mempunyai potensi pertumbuhan bagi melahirkan masyarakat Bumiputera yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Isu ketidaksamarataan, jurang pendapatan dan pembangunan wilayah akan terus ditangani untuk mencapai pengagihankekayaan yang lebih saksama dan pertumbuhan ekonomi yang seimbang di semua negeri. Inisiatif Belanjawan 2023 juga akan memberikan penekanan untuk menaik taraf infrastruktur dan merancakkan semula aktiviti ekonomi di luar bandar serta menambah baik kesalinghubungan antara luar bandar dengan bandar. Sumber yang mencukupi akan disediakan bagi memacu pembangunan sosioekonomi yang rancak di seluruh negara khususnya di Sabah dan Sarawak dengan mengambil kira keperluan dan keutamaan pembangunan negeri. Pelaksanaan projek atau program sedia ada juga akan dipercepat bagi menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan prospek pendapatan di wilayah tersebut.

KeyakiNan

Mengembalikan keyakinan melalui ketelusan demi faedah bersama

Kerajaan memberikan keutamaan tertinggi kepada pengukuhan ekosistem tadbir urus pada semua peringkat bagi meningkatkan keyakinan rakyat kepada institusi kerajaan. Seterusnya, usaha akan diambil untuk memperkuuh tadbir urus yang baik bagi meningkatkan ketelusan, integriti, kecekapan dan akauntabiliti terutamanya dalam perolehan kerajaan, tata kelola syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan institusi Parlimen.

Elemen demokrasi dan tadbir urus pada peringkat institusi akan dipertingkatkan dengan menginstitusikan proses rundingan awam, hebatan saluran komunikasi dan pelaksanaan audit kualiti. Usaha tersebut akan memastikan semua kementerian, institusi kerajaan, perniagaan dan korporat peka dengan kewujudan dasar sedia ada dan baharu serta komited untuk menyokong pelaksanaannya.

Sementara itu, fokus yang diberi keutamaan adalah kepada pengukuhan institusi dan perundangan berkaitan termasuk sistem Parlimen serta pengemaskinian perundangan, kerangka undang-undang, dasar dan prosedur selaras dengan perkembangan semasa. Inisiatif tersebut juga akan dilaksanakan dalam perolehan kerajaan dan syarikat milik kerajaan (SOE) untuk meminimumkan pendedahan risiko kepada Kerajaan.

Ihsan

Meningkatkan modal sosial untuk taraf hidup yang lebih baik

Negara akan berjaya dalam setiap aspek pembangunan terutamanya dari segi ekonomi, kemampuan dan inklusiviti jika semua usaha dilaksanakan dengan ihsan. Perhatian akan diberikan untuk mengurangkan beban kewangan golongan rentan termasuk golongan miskin, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas bagi memastikan taraf hidup terus dipertingkat. Usaha tersebut termasuk meningkatkan bilangan serta memudah cara pemilikan rumah mampu milik, menambah baik akses kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta melaksanakan program untuk meningkatkan pendapatan isi rumah.

Kerajaan mengiktiraf peranan penting Sektor Ketiga sebagai rakan pembangunan dalam mendekati komuniti tertentu. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat civil (CSO) serta ekosistem kesukarelawanan akan terus diperkasa untuk turut menyokong agenda Kerajaan mengenai kemanusiaan dan kemampuan dalam usaha meluaskan keprihatinan dan belas ihsan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pihak tersebut perlu menunjukkan struktur tadbir urus yang baik di samping melaksanakan program khusus yang berkesan bagi memastikan koordinasi yang teratur demi pembangunan negara.

Perkembangan ekonomi global semasa telah menyebabkan peningkatan kos keperluan asas seperti makanan, pengangkutan dan perumahan. Pada masa yang sama, pendapatan yang tidak mencukupi dan simpanan yang rendah merupakan antara isu utama yang dihadapi oleh kebanyakan isi rumah. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus mempertingkatkan dan memperkemas sistem penyampaian dan liputan perlindungan sosial agar lebih cekap dan berkesan bagi membasmi kemiskinan tegar dan melindungi rakyat daripada kejutan pada masa hadapan. Bagi mencapai matlamat tersebut, peranan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) dalam menyelaras jaringan keselamatan dan perlindungan sosial untuk kumpulan sasar akan diperkuuh.

Kerajaan komited untuk terus melaksanakan program bantuan sosial dan memastikan sasaran yang ditetapkan dicapai dengan efektif. Dalam hal ini, usaha untuk menambah baik mekanisme sedia ada perlu dilaksanakan secara teratur bagi memastikan pengagihan yang sistematik, mengelakkan pertindihan dan meningkatkan akauntabiliti dalam kalangan pihak berkepentingan yang berkaitan. Pelaksanaan langkah tersebut akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian bantuan sosial.

Dari perspektif pekerjaan, liputan perlindungan sosial yang menyeluruh akan menyediakan jaringan keselamatan jangka masa panjang yang mencukupi kepada pekerja termasuk golongan yang bekerja sendiri dan pekerja dalam sektor tidak formal. Walau bagaimanapun, hanya 14% daripada 2.8 juta golongan yang bekerja sendiri mencarum secara sukarela di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] sehingga Oktober 2022. Oleh itu, usaha akan dipergiat untuk mengkaji kemungkinan mewajibkan caruman oleh golongan yang bekerja sendiri supaya mendapat perlindungan sosial sewajarnya daripada ketidaktentuan pada masa hadapan.

Kerajaan akan terus menyediakan sumber mencukupi bagi memastikan akses yang saksama kepada penjagaan kesihatan serta pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti pada semua peringkat dengan kos berpatutan. Usaha ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu menyediakan akses sejagat terhadap sistem penjagaan kesihatan dan pendidikan berkualiti tanpa mengira kumpulan pendapatan isi rumah, wilayah dan etnik.

Infrastruktur dan kemudahan sekolah yang mencukupi, selamat serta sensitif gender dan OKU akan dibina atau dinaik taraf bagi memastikan pencapaian pendidikan sejagat khususnya bagi pendidikan prasekolah dan menengah. Bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan serta memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk alam pekerjaan, sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran akan diperkemas untuk meningkatkan outcome pembelajaran.

Sistem penyampaian penjagaan kesihatan akan ditambah baik untuk menyediakan akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti terutamanya kepada golongan miskin dan memerlukan. Sehubungan itu, Kerajaan akan memastikan hospital dan klinik dilengkapi dengan personel penjagaan kesihatan yang mencukupi, peralatan dan infrastruktur yang canggih untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan serta menyediakan persekitaran yang kondusif di pusat penjagaan kesihatan. Inisiatif pengesanan awal untuk mengukuhkan kesiapsiagaan sistem penjagaan kesihatan serta tindak balas terhadap penularan penyakit berjangkit akan diteruskan melalui program saringan kesihatan yang berkesan. Bagi memupuk gaya hidup sihat, aktif dan penyayang dalam kalangan masyarakat pula program kesedaran mengenai pemakanan dan nutrisi serta kesejahteraan mental dan emosi akan diperkenalkan untuk menambah baik kualiti hidup rakyat Malaysia.

Kesimpulan

Bagi memastikan Malaysia terus makmur dan berdaya tahan berteraskan konsep MADANI, penekanan akan diberikan untuk memperkuuh pelaksanaan peraturan dan tadbir urus yang baik pada semua peringkat. Dasar, strategi dan program untuk pembangunan sosioekonomi negara akan memberikan tumpuan bagi memperkuuh kemampuan, kesejahteraan,

daya cipta, keyakinan, nilai hormat dan ihsan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan mengambil pendekatan yang lebih holistik dan inklusif untuk membangunkan dan memajukan Malaysia dengan memberikan penekanan kepada kepentingan menyepakukn komponen insaniah dengan pembangunan ekonomi bagi memastikan ekonomi yang lebih menitikberatkan aspek kemanusiaan selaras dengan konsep *Karamah Insaniah*.

Rujukan

- Ibrahim, A. (2022). *Membangun negara MADANI: Visi dan kerangka dasar reformasi*.
- Jabatan Peguam Negara. (2022). *Perintah Gaji Minimum 2022. P.U. (A) 140*.
- Jabatan Peguam Negara. (2017). *Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a). *Laporan survei gaji & upah 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b). *Laporan survei tenaga buruh 2021*.
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2020). *Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021 –2025)*.
- Pertubuhan Keselamatan Sosial. (2023). *Weekly report: Week 5, 2023*. <https://eiscentre.perkeso.gov.my/weekly-report/EIS-REPORT.pdf>
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025: Malaysia makmur, inklusif dan mampu*. <https://rmke12.epu.gov.my/bm>

Updates on Economic & Fiscal Outlook and Revenue Estimates 2023

Copyright Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without prior permission of:

Under Secretary,
Fiscal and Economics Division,
Ministry of Finance Malaysia,
Level 9, Centre Block,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Precint 2,
Federal Government Administrative Centre,
62592 Putrajaya.

Fax : 03-88823881
E-mail : fed@treasury.gov.my

The 2023 edition is released on 24 February 2023.

Sale copies are obtainable from:
www.pnmb2u.com and MPH Book Store.

This publication is also available for download at:
www.mof.gov.my



PRINTED BY
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2023
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Fax: 03-92224773



PREFACE

MINISTER OF FINANCE
MALAYSIA

Alhamdulillah, the Malaysian economy has performed better than expected in 2022, spearheaded by strong domestic demand and higher export performance in the aftermath of the COVID-19 pandemic. Outperforming regional and global trends, Malaysia's economic growth rebounded to the pre-crisis level of 8.7% supported by swift policy responses and strong economic fundamentals. This commendable performance was achieved in the face of slower global growth due to the emergence of new COVID-19 variants, geopolitical tensions, tightening financial conditions, global supply chain disruptions and higher inflation.

Labour market conditions improved significantly, reflected in higher job creation and reduced unemployment rate. Nevertheless, some sectors are still facing workforce shortages especially labour-intensive industries such as agriculture and services. In this regard, the Government has implemented strategies to expedite business recovery and address labour shortages. Employment stabilisation programmes, including upskilling and reskilling, were also continued to improve workforce employability and provide more job opportunities, particularly among youth.

The Government is committed to protect the livelihood of the rakyat, upholding integrity, enhancing a caring and compassionate society, as well as improving the effectiveness of public and private sector delivery systems. These commitments can be achieved through a methodical approach focused on the aspect of thought, spirituality and infrastructure, which is centred on the framework of Malaysia MADANI that focuses on shaping the future of the nation and realising its full potential. This framework is supported by six core values, namely sustainability, prosperity, innovation, respect, trust, and lastly, care and compassion.

Budget 2023 will, in particular, focus on addressing the high cost of living, further strengthening the social safety net and enhancing the micro, small and medium enterprises (MSMEs) eco-system. The Government will also examine ways and means to reduce market disruptions as well as streamline business processes through the adoption of high technology and digitalisation. The overarching objective is to ensure that the distribution of wealth and regional development are equitable and sustainable.

With the transition to the endemic phase and the reopening of international borders, Malaysia has seen an increase in tourist arrivals as well as trade and business activities, contributing towards a steady recovery, especially in the services sector. Based on the nation's sound macroeconomic fundamentals, the economy is expected to register a growth of approximately 4.5% in 2023. This is further supported by robust domestic demand coupled with the effective implementation of the Twelfth Malaysia Plan (12MP).

Reform initiatives will be expedited with the aim to strengthen the governance of public finances and ensure macroeconomic stability while pursuing the nation's development agenda. As such, the Government will prioritise strengthening the governance ecosystem at all levels to increase public trust in government institutions. This initiatives will focus on transparency, integrity and efficiency, particularly in government procurement, good governance, and the developmental role of government-linked companies (GLCs) and parliamentary institutions.

This challenging task requires the Government to exercise strict fiscal discipline while balancing revenue capacity and spending commitment, as well as gradually reducing the Government's debt and liabilities. Various initiatives have been identified to address issues related to public finances, including exploring new sources of sustainable revenue and minimising leakages. In achieving these initiatives, the Government will prioritise on public expenditure review while ensuring debt sustainability and enhancing public spending efficiency in the long run. These measures will improve the nation's fiscal flexibility, allowing the Government to implement counter-cyclical measures and maintain our economic resilience.

The Government remains steadfast in balancing the need to safeguard the well-being of the rakyat and the nation while ensuring a sound and sustainable fiscal position. This is crucial in maintaining the high standing of the country's sovereign ratings and to ensure our premier position as an investor- and business-friendly country, especially in creating and attracting high-value-added investments to achieve quality and inclusive growth.

2023 is expected to be a challenging year. The Government will continue to be vigilant of economic headwinds as well as any potential geopolitical conflict in order to devise the appropriate strategies and actions. Let us all unite and work together to ensure the success of Malaysia MADANI.





ANWAR IBRAHIM
24 February 2023

THE ECONOMY 2023

in constant 2015 prices

(share to total in %)




¹Includes change in stocks


Source: Ministry of Finance, Malaysia

THE FEDERAL GOVERNMENT BUDGET 2023

WHERE IT COMES FROM



WHERE IT GOES



Highlights

ECONOMIC PERFORMANCE AND OUTLOOK

MALAYSIA'S ECONOMIC AND FISCAL OUTLOOK

2023

Economy is Expected to Moderate

~ 4.5%

GDP AT CURRENT PRICE

RM1,888.3 BILLION



UNEMPLOYMENT RATE

3.5% - 3.7%

GDP AT CONSTANT 2015 PRICES

RM1,574.6 BILLION



CONSUMER PRICE INDEX

2.8% - 3.8%

GROSS NATIONAL INCOME AT CURRENT PRICE

RM1,825.4 BILLION



CURRENT ACCOUNT BALANCE



RM55.2 BILLION

Note: ~ Approximate

FISCAL CONSOLIDATION CONTINUES POST-PANDEMIC

Overall Balance (% GDP)


Primary Balance (% GDP)



2023

MALAYSIA'S ECONOMIC AND FISCAL OUTLOOK

FEDERAL GOVERNMENT DEBT TO GDP REMAIN MANAGEABLE



- Remain below statutory limit of 65% to GDP
- > 97% debt sourced domestically, minimise the exposure of foreign exchange risk

AMPLE CAPACITY TO MEET DEBT SERVICE CHARGES (DSC)



- The Government is constitutionally obligated to serve the DSC ahead of spending on other expenses
- Debt servicing returns to below threshold 15% of revenue

THE BUDGET 2023 STRATEGIES GUIDED BY THE MADANI POLICY FRAMEWORK

M A D A N I

Sustainability <i>(KeMampunan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Prioritising food security • Mitigating climate change impact • Strengthening efforts towards net-zero GHG emissions • Preserving and conserving natural environment and biodiversity
Prosperity <i>(KesejAhteraan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Empowering responsive fiscal policy • Increasing productivity and high-paying job opportunities • Realising a more decent wage • Upholding national security and defence
Innovation <i>(Daya cipta)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Transforming the public service delivery and governance ecosystems • Increasing SMEs resilience and competitiveness • Promoting Malaysia as a strategic destination for quality investment • Enhancing the adoption of digitalisation and growth of strategic industries
Respect <i>(HormAt)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Improving the rakyat's standard of living • Empowering the Bumiputera • Minimising disparity towards a balanced regional development • Spurring socio-economic development in Sabah and Sarawak
Trust <i>(KeyakiNan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Strengthening good governance ecosystem and parliamentary institutions • Streamlining legislations framework • Intensifying participation of the rakyat in the development agenda
Care & Compassion <i>(Ihsan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Empowering NGOs, CSOs and the volunteerism ecosystem • Streamlining social protection system • Realising universal access to affordable and quality education • Strengthening conducive environment and quality healthcare

CONTENTS

PREFACE	69
ACRONYMS AND ABBREVIATIONS	82
SECTION 1 ECONOMIC PERFORMANCE AND OUTLOOK	
Overview	87
Global Economic Performance 2022	88
Malaysia's Economic Performance 2022	88
Sectoral	88
Services Sector	88
Manufacturing Sector	91
Agriculture Sector	91
Mining Sector	91
Construction Sector	91
Domestic Demand	92
External Sector	93
Trade Performance	93
Balance of Payments	95
Prices	97
Labour Market	97
Global Economic Outlook 2023	98
Malaysia's Economic Outlook 2023	98
Sectoral	98
Services Sector	98
Manufacturing Sector	100
Agriculture Sector	100
Mining Sector	100
Construction Sector	100

Domestic Demand	100
External Sector	101
Prices	102
Labour Market	102
Conclusion	103
References	104

SECTION 2 FISCAL POLICY

Overview	107
Fiscal Position 2022	107
Fiscal Position 2023	108
Performance 2022	109
Federal Government Revenue	109
Federal Government Expenditure	111
COVID-19 Fund	113
Updates 2023	115
Federal Government Revenue	115
Federal Government Expenditure	116
Medium-Term Fiscal Framework 2023 – 2025	117
Conclusion	118

SECTION 3 DEBT AND FISCAL RISK MANAGEMENT

Overview	123
Financing	123
Federal Government Debt	124
Malaysia's External Debt	127

Public Sector Debt	128
Debt and Liabilities Exposure	129
Government Guarantees	130
Other Liabilities	131
Updates 2023	132
Conclusion	132

SECTION 4 STRATEGIC INITIATIVES

Budget 2023 Strategies: Developing a MADANI Nation	137
Information Box 4.1 - MADANI for a Better Malaysia: An Empowering Vision and Policy Framework for Action	137
Sustainability (<i>KeMampanan</i>)	140
Prosperity (<i>KesejAhteraan</i>)	141
Innovation (<i>Daya Cipta</i>)	142
Respect (<i>HormAt</i>)	143
Trust (<i>KeyakiNan</i>)	143
Care and Compassion (<i>Ihsan</i>)	144
Conclusion	145
References	146

STATISTICAL TABLES 147

TREASURY MEMORANDUM ON THE UPDATES OF THE FEDERAL GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES FOR 2023 217

ORGANISATION OF THE MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA 249

TABLES

Table 1.1.	Gross Domestic Product by Sector	88
Table 1.2.	Gross Domestic Product by Aggregate Demand	92
Table 1.3.	External Trade	94
Table 1.4.	Current Account of the Balance of Payments	95
Table 1.5.	Employed Persons by Sector	103
Table 2.1.	COVID-19 Economic Stimulus Packages and Recovery Plan	108
Table 2.2.	Federal Government Financial Position	109
Table 2.3.	Federal Government Revenue	110
Table 2.4.	Federal Government Operating Expenditure by Component	111
Table 2.5.	Federal Government Development Expenditure by Sector	113
Table 2.6.	COVID-19 Fund	114
Table 2.7.	Medium-Term Fiscal Framework (MTFF)	118
Table 3.1.	Federal Government Financing	123
Table 3.2.	Debt Legislative	125
Table 3.3.	Federal Government Debt by Instrument	126
Table 3.4.	Federal Government Debt by Holder	127
Table 3.5.	External Debt	128
Table 3.6.	Public Sector Debt	129
Table 3.7.	Federal Government Debt and Liabilities Exposure	129
Table 3.8.	Major Recipients of Loan Guarantees	130
Table 3.9.	Committed Guarantees	131
Table 3.10.	1MDB Debt	131

FIGURES

The Economy 2023	71
The Federal Government Budget 2023	72
Figure 1.1. Selected Indicators for the Services Sector	90
Figure 1.2. Output of Manufacturing Sector	91
Figure 1.3. Savings-Investment Gap	93
Figure 1.4. Top 10 Trading Partners	94
Figure 1.5. International Reserves	96
Figure 1.6. Consumer Price Index and Producer Price Index Trends	97
Figure 1.7. Vacancies and Job Created	98
Figure 1.8. Retrenchment and Unemployment	98
Figure 2.1. Federal Government Overall and Primary Balance	119
Figure 2.2. Federal Government MTFF Overall Balance	119
Figure 2.3. Petroleum-Related and Non-Petroleum Revenue	119
Figure 2.4. Revenue as Percentage of GDP	119
Figure 2.5. Operating Expenditure by Component	119
Figure 2.6. Development Expenditure by Sector	119
Figure 3.1. Issuance by Maturity	133
Figure 3.2. MGS Indicative Yields	133
Figure 3.3. Federal Government Debt Composition	133
Figure 3.4. Federal Government Debt by Holder	134
Figure 3.5. Non-Resident Holdings of Ringgit-Denominated Debt Securities	134
Figure 3.6. Debt Service Charges	134
Figure 3.7. Outstanding Loan Guarantees	134
Figure 3.8. Federal Government Liabilities Exposure	134

ACRONYMS AND ABBREVIATIONS

12MP	Twelfth Malaysia Plan, 2021 – 2025	GDP	gross domestic product
1MDB	1Malaysia Development Berhad	GG	government guarantees
5G	fifth-generation cellular network	GHG	greenhouse gas
B40	bottom 40% of household income group	GLCs	government-linked companies
BCX	Bursa Carbon Exchange	GNI	gross national income
BNM	Bank Negara Malaysia	GNS	gross national savings
bps	basis points	ICT	information and communications technology
BTC	bid-to-cover	i-MILIKI	Keluarga Malaysia Home Ownership Initiative
CENDANA	Cultural Economy Development Agency	JENDELA	National Digital Network
CITA	companies income tax	KITA PRIHATIN	PRIHATIN Supplementary Initiative Package
COVID-19	Coronavirus Disease 2019	KVDT	Klang Valley Double Track
CPI	Consumer Price Index	KWAP	Retirement Fund (Incorporated)
CPO	crude palm oil	LNG	liquefied natural gas
CSOs	civil society organisations	LPPSA	Public Sector Home Financing Board
DanaInfra	DanaInfra Nasional Berhad	LRT	Light Rail Transit
DDI	domestic direct investment	LRT3	Light Rail Transit Line 3
DE	development expenditure	MGII	Malaysian Government Investment Issues
DSC	Debt Service Charges	MGS	Malaysian Government Securities
E&E	electrical and electronic	MHTC	Malaysia Healthcare Travel Council
ECRL	East Coast Rail Link	MITB	Malaysian Islamic Treasury Bills
EMDEs	emerging market and developing economies	MNCs	multinational corporations
EPF	Employees Provident Fund	MRL	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.
ESG	environmental, social and governance	MRT	Mass Rapid Transit
EV	electric vehicle	MSMEs	micro, small and medium enterprises
FDI	foreign direct investment	MTB	Malaysian Treasury Bills
Fed	US Federal Reserve	MTFF	Medium-Term Fiscal Framework
FELDA	Federal Land Development Authority	MTRS	Medium-Term Revenue Strategy
FIFA	Federation Internationale de Football Association	MySPC	Malaysia Social Protection Council
FRA	Fiscal Responsibility Act		

MySTEP	Malaysia Short-Term Employment Programme	Prasarana	Prasarana Malaysia Berhad
NFPCs	non-financial public corporations	PRIHATIN	PRIHATIN Rakyat Economic Stimulus Package
NGOs	non-governmental organisations	PRIHATIN PKS+	Additional PRIHATIN SME Economic Stimulus Package
OE	operating expenditure	PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
OPR	Overnight Policy Rate	R&D	research and development
PEMERKASA	Strategic Programme to Empower the People and Economy	R&D&C&I	research, development commercialisation and innovation
PEMERKASA+	Strategic Programme to Empower the People and Economy Plus	RM	Ringgit Malaysia
PEMULIH	National People's Well-Being and Economic Recovery Package	RPGT	Real Property Gains Tax
PENJANA	National Economic Recovery Plan	RTS	Rapid Transit System
PERMAI	Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia	SDGs	Sustainable Development Goals
PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad	SJKP	Skim Jaminan Kredit Perumahan
PFI	private financing initiatives	SOEs	state-owned enterprises
PITA	petroleum income tax	SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan
PPI	Producer Price Index	SST	Sales Tax and Service Tax
PPP	public-private partnership	TEUs	twenty-foot equivalent units
PPR	Program Perumahan Rakyat	TVET	technical and vocational education and training
		US	United States of America
		USD	US Dollar

SECTION 1

Economic Performance and Outlook

87 OVERVIEW

**88 GLOBAL ECONOMIC PERFORMANCE
2022**

**88 MALAYSIA'S ECONOMIC PERFORMANCE
2022**

Sectoral

- Services Sector
- Manufacturing Sector
- Agriculture Sector
- Mining Sector
- Construction Sector

Domestic Demand

External Sector

- Trade Performance
- Balance of Payments

Prices

Labour Market

98 GLOBAL ECONOMIC OUTLOOK 2023

98 MALAYSIA'S ECONOMIC OUTLOOK 2023

Sectoral

- Services Sector
- Manufacturing Sector
- Agriculture Sector
- Mining Sector
- Construction Sector

Domestic Demand

External Sector

Prices

Labour Market

103 CONCLUSION

104 REFERENCES

SECTION 1

Economic Performance and Outlook

Overview

Sustained economic activities underpinned resilient growth

The global gross domestic product (GDP) growth in 2022 moderated to 3.4% reflecting the economic slowdown in advanced economies as well as emerging market and developing economies (EMDEs). Despite the softened global growth, Malaysia's economy recorded a strong growth of 8.7% in 2022, exceeding the initial projection of 6.5% – 7%, whereby real output value reached above the pre-pandemic level. The commendable performance was driven by domestic demand and improved labour market in line with the transition to the endemic phase. These resulted from an increase in economic activities which include household spending, investment and tourism. Subsequently, encouraging expansion in all economic sectors primarily the services and manufacturing have also provided continuous impetus to the significant economic growth in 2022. Furthermore, the growth was attributed to robust external demand, especially among Malaysia's major trading partners.

Notwithstanding the growth, the economy in 2022 experienced several challenges with escalating inflationary pressures due to high commodity and food prices as well as softened global economic growth and trade. Therefore, the Government has taken various holistic and

comprehensive measures to help the rakyat and businesses in dealing with inflationary pressures and higher cost of living.

In 2023, global growth is expected to further soften at 2.9% on the back of persistent pressures such as inflation, tightening global financial conditions and economic deceleration among major economies. Meanwhile, Malaysia's economic growth is projected to moderate amid the signs of weakness in the global growth momentum. The growth will be mainly supported by steady domestic demand primarily private expenditure as well as initiatives under the Budget 2023 and development expenditure under the Twelfth Malaysia Plan, 2021 – 2025 (12MP). However, a slowdown in external demand is expected to moderate exports growth, particularly in the electrical and electronic (E&E) products and major commodities.

On the supply side, all economic sectors are expected to remain in the positive growth trajectory in 2023, driven by the services and manufacturing sectors. Other sectors, namely agriculture, mining and construction are also expected to grow further in line with the improvement in economic activities. However, downside risks such as prolonged geopolitical conflict, climate-related disasters and persistently high inflation are expected to further hampering the global economic growth, hence, affecting Malaysia's performance. Overall, the nation's GDP is forecast to grow approximately 4.5% in 2023.

Global Economic Performance 2022

Moderate growth amid global challenges

